



Darurat perangi COVID-19

- Agong isytihar darurat hingga 1 Ogos depan
- PKP selama 14 hari di Melaka, enam negeri lain dan tiga daerah di Sarawak
- Melaka mahu kekal antara negeri terbaik patuh SOP PKP 2.0
- 14 sekatan jalan raya tetap di Melaka 2 & 3



'Inilah masanya kita putuskan rantaian (COVID-19) daripada menular'

- Ketua Menteri Datuk Seri Utama
Haji Sulaiman Md Ali



Bendung COVID-19 di Malaysia

Agong isytihar darurat

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 12 Januari lepas memberi perkenan Pengisytiharan Proklamasi Darurat dilaksanakan sehingga 1 Ogos sebagai langkah proaktif membendung wabak COVID-19 di Malaysia.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin dalam kenyataan Istana Negara memaklumkan Seri Paduka memberi perkenan tempoh pelaksanaan darurat itu atau sehingga suatu tarikh yang lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan.

Al-Sultan Abdullah turut berkenan dengan cadangan kerajaan bagi pembentukan satu Jawatankuasa Bebas yang akan dianggotai oleh Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar-pakar kesihatan dan yang berkaitan.

"Jawatankuasa Bebas ini akan mengesyorkan kepada Seri Paduka Baginda sekiranya pelaksanaan da-

rurat ini dapat ditamatkan lebih awal," katanya.

Ahmad Fadil berkata perkenan itu telah mengambil kira rundingan Seri Paduka dengan Raja-Raja Melayu.

Menurutnya, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menyembah maklum keputusan Mesyuarat Jemaah Kabinet berhubung cadangan pelaksanaan Pengisytiharan Proklamasi Darurat ketika menghadap Al-Sultan Abdullah di Istana Negara pada 11 Januari lepas untuk membendung dan melandaikan kes positif COVID-19 harian yang kini mencapai empat angka.

Beliau berkata Seri Paduka memperhalusi penjelasan Perdana Menteri dan sembah taklimat dari pada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali, Peguam Negara Tan Sri Idrus Harun, Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Affendi Buang, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador, Ketua Penggarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Datuk Abdul Ghani Salleh.

"Maka Al-Sultan Abdullah berpandangan bahawa penularan wabak COVID-19 di negara ini berada di tahap yang amat kritis dan adanya keperluan Pengisytiharan Proklamasi Darurat berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Ahmad Fadil berkata perkenan Al-Sultan Abdullah berkenaan turut mengambil kira keselamatan diri rakyat dan kepentingan negara berdasarkan statistik semasa COVID-19, khususnya kekangan kemudahan-kemudahan logistik mengikut negeri-negeri yang dipersembahkan semasa sesi taklimat itu.

Sehubungan itu, Al-Sultan Abdullah menasihati rakyat supaya berteman, tabah dan cekal menghadapi pelaksanaan darurat dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi keselamatan dan kepentingan bersama.

Al-Sultan Abdullah menitahkan rakyat supaya berdisiplin mematuhi prosedur operasi stan-



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

dard (SOP) dan semua perintah ditetapkan kerajaan dan agensi yang berkaitan semasa pelaksanaan darurat dan PKP.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan harapan supaya vaksin COVID-19 yang bakal diterima kelak akan melandaikan keluk pandemik, sekali gus memutuskan jangkitan

COVID-19 di Malaysia.

Seri Paduka menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada wira dan wirawati petugas barisan hadapan yang bersabung nyawa dan bertungkus lumus tanpa mengira penat lelah serta masa dalam memikul tanggungjawab memerangi wabak COVID-19. - BERNAMA

Melaka antara tujuh negeri PKP 2.0

KUALA LUMPUR - Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam negeri - Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah untuk tempoh 14 hari bermula 13 hingga 26 Januari.

Manakala negeri Kelantan serta tiga daerah di Sarawak iaitu Sibu, Selangau dan Kanowit dikenakan PKP bermula 16 hingga 29 Januari.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata lima lagi negeri Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah dan Terengganu dilaksana-

kan PKP Bersyarat (PKPB) manakala PKP Pemulihan (PKPP) bagi Perlis serta Sarawak (kecuali Sibu, Selangau dan Kanowit) untuk tempoh sama.

"Berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta pelbagai kementerian dan agensi serta nasihat pakar-pakar kesihatan awam di dalam negara, kerajaan bersetuju dengan pandangan bahawa satu tin-



MUHYIDDIN

dakan yang tegas perlu diambil untuk memutuskan rantaian jangkitan penularan virus COVID-19," katanya dalam percutusan khas pada 11 Januari lepas.

Muhyiddin berkata negeri-negeri yang dikenakan PKP merupakan negeri yang berisiko tinggi hasil penilaian risiko oleh KKM dan

tahap keupayaan perkhidmatan kesihatannya telah hampir mencapai kapasiti maksimum.

Beliau berkata KKM akan mem-

buat penilaian risiko secara berterusan bagi memutuskan sama ada pelaksanaan PKP itu akan ditamatkan atau diteruskan sebelum tempoh dua minggu berkenaan tamat.

Perdana Menteri berkata trend peningkatan kes COVID-19 amat membimbangkan dengan pendekatan tegas perlu bagi memutuskan rantaian penularan jangkitan wabak itu, sekali gus menurunkan bilangan kes positif harian ke satu tahap yang terkawal dan boleh diurus dengan lebih berkesan.

Malaysia mula merekodkan kes harian empat digit bagi COVID-19 pada 24 Oktober 2020, iaitu 1,228 kes dan fenomena itu direkodkan setiap hari dengan rekod tertinggi dilapor pada 7 Januari lepas 3,027 kes.

Dalam gelombang ketiga COVID-19 ini, 476 kluster baharu dilaporkan sehingga 10 Januari melibatkan 259 kluster tempat kerja (54.41 peratus), peningkatan ketara bilangan kluster baharu berbanding

110 kluster baharu ketika gelombang kedua dengan 25 kluster (22.72 peratus) melibatkan tempat kerja.

"Fasiliti KKM sudah tidak mampu untuk menampung peningkatan sehingga 2,000 kes baharu setiap hari. Our healthcare system is at breaking point," kata Muhyiddin.

Antaranya, Muhyiddin berkata 15 hospital COVID-19 mencatatkan kadar penggunaan katil COVID-19 (bukan Unit Rawatan Rapi (ICU)) melebihi 70 peratus selain di Lembah Klang, kadar penggunaan katil ICU di Hospital Kuala Lumpur dan Pusat Perubatan Universiti Malaya telah mencapai 100 peratus.

Kadar penggunaan katil ICU untuk pesakit COVID-19 di lima negeri iaitu Perak, Selangor, Melaka, Terengganu dan Sarawak pula telah melebihi 70 peratus.

Beliau berkata lebih 1,450 anggota perubatan di hospital seluruh negara telah dijangkiti atau terpaksa menjalani arahan kuarantin dan tidak dapat bertugas. - BERNAMA



Solat Jumaat pertama PKP 2.0

KELIHATAN jemaah yang menghadiri solat Jumaat di Masjid Al-Azim pada 15 Januari lepas mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Kerajaan Melaka memutuskan solat Jumaat dibenarkan hanya dengan kehadiran 45 jemaah sahaja.

Foto: MR. AZLI

WAKTU SOLAT

| | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-----------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| 18 JANUARI 2021 | 6.10 am | 7.22 am | 1.24 pm | 4.47 pm | 7.23 pm | 8.36 pm |
| 19 JANUARI 2021 | 6.10 am | 7.22 am | 1.24 pm | 4.47 pm | 7.23 pm | 8.37 pm |
| 20 JANUARI 2021 | 6.10 am | 7.22 am | 1.25 pm | 4.47 pm | 7.24 pm | 8.37 pm |
| 21 JANUARI 2021 | 6.11 am | 7.23 am | 1.25 pm | 4.47 pm | 7.24 pm | 8.37 pm |
| 22 JANUARI 2021 | 6.11 am | 7.23 am | 1.25 pm | 4.48 pm | 7.24 pm | 8.37 pm |
| 23 JANUARI 2021 | 6.11 am | 7.23 am | 1.25 pm | 4.48 pm | 7.25 pm | 8.37 pm |
| 24 JANUARI 2021 | 6.12 am | 7.23 am | 1.26 pm | 4.48 pm | 7.25 pm | 8.38 pm |

Melaka mahu kekal antara negeri terbaik patuh SOP PKP 2.0

SERI NEGERI – Kerajaan negeri optimis mampu mengekalkan kadar pematuhan tinggi terhadap prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang berkuat kuasa semalam hingga 26 Januari ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali ber-kata, ia mampu dicapai jika semua rakyat peka dan mengambil serius bahawa setiap SOP ditetapkan pihak ber-kuasa semata-mata untuk menjamin keselamatan dan kesihatan bersama.

Katanya, hal itu terbukti pada PKP 1.0 apabila Melaka muncul antara tiga negeri terbaik di seluruh negara



KAWASAN tumpuan di Bandaraya Melaka lengang pada hari pertama pelaksanaan PKP 2.0.

dengan kadar pematuhan SOP PKP melebihi 98 peratus.

atus. “Justeru, kali ini saya cukup yakin dan percaya rakyat Melaka juga boleh melakukannya perkara sama dengan kita terus mematuhi segala peraturan dan SOP yang ditetapkan agar akhirnya kita bersama-sama dapat membantu untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19 ini,” katanya pada segmen Bicara Ketua Menteri bersama MelakaFM dikeudarakan pada 14 Januari lepas.

Mengulas lanjut, Sulaiman menegaskan, biarpun perlaksanaan PKP 1.0 dan sekarang amat berbeza, be-

liau merayu dan berharap rakyat tetap mematuhi setiap arahan ditetapkan

araian ditetapkan.

"Dahulu kita diarah duduk di rumah di rumah, semua aktiviti ekonomi, sosial, sukan dilarang sama sekali kecuali sektor ekonomi yang perlu saja.

"Tapi PKP 2.0 berbeza. Walaupun banyak aktiviti dilarang, antaranya aktiviti sosial dan kenduri kahwin, larangan rentas daerah dan negeri serta pergerakan terhad dalam radius 10 kilometer, masih ada kelonggaran.

"Misalnya aktiviti ekonomi, kedai makan dan gerai penjaja di kawasan PKP dibenarkan hanya untuk bungkus," katanya.

PKP 2.0: Beli makanan antara alasan rentas daerah

BATU BERENDAM – Keluar untuk membeli makanan merupakan antara alasan yang diberikan dalam cubaan untuk merentas daerah pada hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) di negeri ini.

Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata itu merupakan antara adegan yang diterima pihaknya selepas menguatkuasakan sekatan jalan raya (SJR) bermula 13 Januari lepas.

Menurutnya, sepanjang tempoh tempoh tujuh jam pelaksanaan SJR, sebanyak 4,218 kenderaan telah diperiksa, 48 diarah berpatah balik dan lima kompaun telah dikeluarkan.

"Sebab kita arahkan berpatah balik kerana kita dapati alasan yang diberikan oleh pemandu itu tidak begitu kukuh. Contohnya ada yang cuba merentas sempadan untuk beli makanan walaupun di kawasan tempat tinggal mereka masih boleh mendapatkan bekalan yang sama.

“Dalam SOP, walaupun dalam SOP ditetapkan bahawa kita boleh menjalankan aktiviti itu 10 kilometer (km) radius, tetapi bekalan makanan atau keperluan harian perlu didapatkan di tempat terdekat sahaja, kecuali jika bekalan makanan atau perubatan itu tiada di tempat terdekat, barulah radius lebih 10 km kita ambil kira,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau SJR di Jalan Taman Sutera Wangi, di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abdul Majid memaklumkan sebanyak 25 SJR dilaksanakan di seluruh Melaka, merangkumi 14 SJR tetap dan 11 SJR bergerak (mobile).

Jelasnya, seramai 700 anggota telah ditempatkan di kesemua SJR itu yang akan berfungsi selama 24 jam setiap hari.

“Selain itu sebanyak 77 pasukan pematuhan dengan kekuatan 282 pegawai dan anggota akan digerakkan sepanjang tempoh dua minggu PKP sehingga 26 januari ini,” katanya lagi.



ABDUL Majid ketika memeriksa dokumen pengesahan perjalanan salah seorang pengguna jalan raya sebelum dibenarkan merentas daerah dalam Sekatan Jalan Raya di Jalan Taman Sutera Wangi, Batu Berendam, pada 13 Januari lepas.

PELAKSANAAN PKP 2.0

BERMULA 13 HINGGA 26 JANUARI 2021

- | | |
|--|---|
|  Restoran |  Bungkus dan bawa pulang sahaja. |
|  Sekolah |  Pelajar dan calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 dan 2021 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Diploma Vokasional Malaysia (DVM) Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus untuk Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 dan peperiksaan antarabangsa yang setara dibenarkan hadir ke sekolah merentasi kawasan PKP atau PKPB atau PKPP mengikut takwim persekolahan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan dokumen pengesahan daripada KPM dan pergerakan pergi dan balik ke sekolah boleh ditemani oleh seorang penjaga. |
|  Rumah Ibadat |  SOLAT FARUD : 5 individu / ahli jawatankuasa sahaja.  SOLAT JUMAAT : (Negeri Melaka) Tidak melebihi 45 orang di kalangan Pegawai dan jawatankuasa Masjid/Surau Jumaat serta anak kariah yang terpilih sahaja. |
|  Pergerakan |  Hanya 2 orang ahli isi rumah dibenarkan dalam kenderaan sama Pergerakan terhad dalam 10km radius membeli barang keperluan. |
|  Perjalanan rentas negeri |  Tidak dibenarkan. |
|  Perjalanan ke tempat kerja |  30% dibenarkan bekerja dalam pejabat (kumpulan pengurusan). |
|  Perkhidmatan kritikal |  Kesihatan, Kewangan dan barang runcit dibenarkan |
|  Riadah |  Aktiviti jogging dibenarkan dalam kumpulan tidak melebihi 2 orang hanya di dalam kawasan kejiranannya sahaja. Aktiviti berbasikal berkumpulan TIDAK dibenarkan. Aktiviti berbasikal secara berseorangan tidak melebihi 10 km dari tempat kediaman adalah DIBENARKAN. |

"Kasi jadi, get it done!"

Muhd Rizanizam Abdul Hamid

AYER KEROH – Semua penjawat awam di negeri ini diingatkan 2021 bukanlah tahun berbulan madu, sebaliknya tahun pelaksanaan terhadap semua perancangan yang direncanakan sebelum ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, 2021 juga bukan untuk bersuka-suka, atau sekadar penumpang dan permerhati semata-mata.

"Tahun ini bukan lagi tahun 'honeymoon' sebaliknya tahun pelaksanaan. Kita mesti sudah mula melaksana, melakukan tindakan-tindakan cekap dan pantas, membuat penambahbaikan dengan kreatif lagi inovatif terhadap apa yang telah kita rancang serta rencanakan selama ini."

"Mustahaknya tahun ini, saya mahukan segala apa yang telah kita rancang kita mesti pastikan semuanya dilaksana, atau dalam bahasa mudahnya, 'get it done, bagi jadi, kasi jadi.'



SULAIMAN ketika mengetuai lafadz ikrar bersama-sama dengan penjawat awam yang hadir dalam Majlis Amanat Ketua Menteri Sempena Tahun Baharu 2021 bertemakan Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pra Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 di dewan MITC pada 11 Januari lepas.

"Segala apa polisi, inisiatif dan program yang telah kita rancang, mestilah benar-benar dilaksanakan dengan berkesan, menyentuh denyut nadi, hingga ke impak manfaatnya dirasai langsung kepada rakyat Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Amanat Ketua Menteri Sempena Tahun Baharu 2021 bertemakan Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pra Pelancaran Pelan Strategik Melakaku

Maju Jaya 2035 di dewan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini pada 11 Januari lepas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan, barisan Pengurus Jawatankuasa Ne-

geri Melaka serta kira-kira 400 ketua jabatan dan agensi negeri.

Mengulas lanjut Sulaiman berkata, usaha itu selari dengan dasar kerajaan yang secara jelas membantu rakyat bukan sahaja sebulan atau seminggu sekali bahkan kerajaan kini perlu setiap hari bertemu rakyat.

"Maknanya, kita kena dengar keluhan rakyat, kita belajar memahami mereka, kita sentiasa prihatin terhadap nasib mereka, dan 'we must serve the best service and delivery for the rakyat!,' katanya.

Ketua Menteri pada masa sama turut menggesa semua agensi dan para penjawat awam di Melaka, khususnya petugas barisan hadapan atau mereka yang berurusan setiap hari dengan rakyat agar dapat mempertingkatkan kualiti penyampaian.

"Ini supaya rakyat berasa selesa dengan perkhidmatan dan penyampaian yang diberikan, berasa dibantu serta dipermudahkan, dan yang terpenting sekali kebajikan

mereka tetap terbela.

"Misalnya jika rakyat telefon, jangan tak angkat pula, rakyat datang nak jumpa jangan tak layan, rakyat mengadu, janganlah pula tak ambil tindakan.

"Mana-mana aduan rakyat yang tidak dilayan dengan sepatutnya, beritahu saya, kita akan ambil tindakan. *i am very serious about this!*," tegasnya.

Mesej sama turut diberikan Sulaiman kepada kaunter-kaunter perkhidmatan dan agensi, terutama mereka yang setiap hari berurusan langsung dengan rakyat.

Ia susulan beliau turut menerima aduan langsung melalui Facebook rasminya mengenai kaunter-kaunter perkhidmatan yang ditutup pada waktunya rehat tengah hari.

"Kalau boleh, pada waktu rehat pun dibuka bak kata Mufti Melaka, jika kita mudahkan urusan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan, InsyaAllah, Tuhan akan per mudahkan hidup kita," katanya.

Tujuh intipati difokuskan

TUJUH polisi penting perlu menjadi garis panduan penjawat awam di negeri ini dalam memastikan segala perancangan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 dan Belanjawan 2021 Melaka dapat dilaksanakan sepenuhnya tahun ini.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali berkata, perkara berkenaan perlu dilaksanakan selari aspirasi kerajaan negeri bagi memastikan segala perancangan menerima impak besar dan dirasai rakyat.

Jelasnya, perkara utama dari-

pada tujuh intipati itu adalah memastikan segala perancangan kerajaan negeri dilaksanakan kerana tahun ini adalah tahun pelaksanaan.

Sulaiman berkata, beliau juga mahu setiap penjawat awam negeri ini tekun dalam pekerjaan dengan melaksanakan segala amanah dipertanggungjawabkan sekali gus memastikan kejayaan setiap perancangan.

Katanya, intipati seterusnya adalah 'Hari-hari Bertemu Rakyat' iaitu memastikan setiap aduan atau

permasalahan rakyat diberi perhatian dan diambil ditindakan.

"Polisi kita adalah Hari-hari Bertemu Rakyat yang bukan hanya dilakukan secara mingguan atau bulanan supaya segala permasalahan yang dibangkitkan rakyat dapat diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

"Seterusnya, saya mahukan hasil (*result oriented*). Di mana ia merupakan hasil dari apa yang telah kita rencanakan seperti dalam Belanjawan Melaka 2021 dengan 80 inisiatif ditawarkan kepada ra-

kyat dan termasuk 40 titik sentuh (touch point) melibatkan rakyat secara langsung perlu dipastikan ia sampai kepada rakyat," katanya.

Ujarnya lagi, Visi, Misi dan Pemboleh Daya (*enabler*) untuk Melaka seperti yang dibentangkan pada Amanat Tahun 2020, Julai lalu perlu dicapai.

"Untuk intipati keenam, saya tidak mahukan lagi sebarang alasan apabila berlaku kelewatan, ketirisian atau apa-apa jua kegagalan dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

"Saya juga mahu setiap agensi dan anak syarikat kerajaan negeri mempunyai petunjuk prestasi utama (KPI) dan Pelan Strategik masing-masing selari dengan pelan strategik di peringkat negeri," katanya.

Terdahulu, pada program bertemakan 'Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam Negeri Melaka' itu, beliau turut mengedarkan 'Booklet' (buku kecil) berjudul 'Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035' sebagai panduan rakyat di negeri ini.

TUJUH AMANAT BUAT PENJAWAT AWAM MELAKA 2021

01

Kesungguhan dan tekun dalam bekerja.

02

Tahun ini bukan lagi sekadar tahun perancangan, sebaliknya tahun ini adalah tahun pelaksanaan.

03

Hari-hari berjumpa rakyat.

04

Hasil Melalui 40 Titik Sentuh bagi memastikan ia sampai kepada golongan sasar.

05

Visi dan misi Melaka Menuju Negeri Lestari dicapai.

06

Tiada alasan berlaku kelewatan.

07

Mencapai KPI pelaksanaan program.



SULAIMAN meletakkan tangan pada pengimbas digital sebagai simbolik perasmian Pra Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035.

Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035

Pacu hala tuju Melaka

Liana Sahabudin & Faiz Hasan

PELANCARAN Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) pada awal Februari depan dilihat akan memandu hala tuju negeri ini meliputi pelbagai aspek.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, PSMJ 2035 disifatkan sebagai satu dokumen besar yang komprehensif dan holistik.

"Ini bagi memandu hala tuju pembangunan, kemajuan serta masa depan yang bersifat jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang di Negeri Melaka.

"Pelan tindakan strategik ini merupakan dokumen utama

untuk dirujuk oleh semua jabatan dan agensi di Melaka yang perlu diterjemahkan menjadi pelan tindakan.

"Ia matlamat utama pencapaian setiap agensi yang bakal membawa Melaka ke fasa seterusnya menuju mercu kejayaan," ujar Sulaiman.

Tambahnya, setiap agensi kerajaan di negeri ini perlu mempunyai Indeks Prestasi Utama (KPI) dan pelan strategik bagi memudahkan penilaian dan pemantauan agensi masing-masing.

"Setiap jabatan dan agensi negeri akan dinilai dan dipantau serta perlu ada 'scorecard' masing-masing.

"Contohnya, untuk penca-



PENGERUSI Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah, Datuk Rahmad Mariman (kiri), Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar (tengah) dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan (kanan) antara barisan kepimpinan negeri yang hadir dalam majlis tersebut.

paian KPI yang cemerlang kita bagi warna biru, warna kuning peringatan bagi pencapaian yang agak sederhana dan warna merah pula, jika program tersebut gagal dilaksanakan dengan baik," katanya.

Pada masa sama, Sulaiman berkata, pelan strategik itu mestilah selaras dengan prinsip asas yang menjadi amalan pengurusan efektif global iaitu 'Specific, Measurable, Attainable, Realistic and Time-bound (SMART)'.

Gilir jaga kaunter waktu rehat demi selesai aduan rakyat

PENGGILIRAN jadual bekerja sewaktu rehat bagi mana-mana kaunter perkhidmatan kerajaan di negeri ini dicadang bagi memastikan penyelesaian aduan rakyat.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali berkata, inisiatif itu sekali gus dijangka mampu memastikan perkhidmatan kaunter disediakan lancar dan mengatasi setiap permasalahan rakyat yang memerlukan bantuan.

"Mana-mana kaunter perkhidmatan yang ditugaskan perlu menjalankan tugas secara 'rotate' (gilir) bagi mempermudah, melancarkan dan melicinkan segala masalah rakyat yang ada.

"Ia selari dengan polisi dalam antara tujuh amanat disampaikan iaitu 'Hari-Hari Bertemu Rakyat' yang mana kita perlu berdepan dengan rakyat setiap hari dan bukannya seminggu atau sebulan bagi menyelesaikan masalah yang

ada," katanya.

Menerusi polisi ketiga iaitu 'Hari-Hari Bertemu Rakyat' merupakan antara tujuh intipati amanat yang penting perlu ditekankan penjawat awam di negeri ini.

"Maka, saya mahu dan amat berharap apa juga yang dibangkitkan rakyat mesti diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya," ujarnya.

Terdahulu, dalam ucapan amanatnya, beliau berkata,

tahun 2021 bukannya tahun untuk merancang, sebaliknya ia tahun perlaksanaan dan perlu dipandang berat oleh penjawat awam tanpa sebarang pengecualian dalam memastikan dasar kerajaan tercapai.

"Saya tidak mahu lagi alasan apabila berlaku kelewatan, ketirisan atau apa-apa jua kegagalan dalam kita menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat," tegasnya.

SYMBOLIC ACTION YANG AKAN DILAKSANAKAN

Pelancaran pelan induk pembangunan atau Blueprint M-WEZ.

01

Pelancaran masterplan pelancongan negeri Melaka.

02

Pelancaran Blueprint Smart Melaka pada sekitar pertengahan tahun.

03

Pelancaran Skuad Mediator Perpaduan Negeri Melaka.

04

Pelancaran TOD Melaka Sentral.

05

Pelancaran Projek Melaka Urban Farming.

06

Menganjurkan Karnival Penjana Kerjaya Peringkat Negeri Melaka pada skala yang lebih besar, di tiga daerah seluruh Negeri Melaka.

07

Dalam hal kebijakan dan tanda prihatin kepada rakyat Melaka, bermula Januari hingga Disember 2021, gaji bulanan barisan Exco Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri dipotong 10 peratus.

08



SULAIMAN ketika berucap di hadapan barisan Pengerusi Jawatankuasa Negeri Melaka serta kira-kira 400 ketua jabatan dan agensi kerajaan negeri.



Farah Suhaidah Othman

SERI BENDAHARA – Misi Bantuan Pasca Banjir Kerajaan Negeri Melaka bertolak ke Pahang membawa pelbagai barang makanan dan keperluan asas untuk penduduk terjejas banjir, pada 16 Januari lepas.

Majlis pelepasan membabitkan konvoi 14 kendaraan itu berlangsung dalam suasana semangat tinggi dan disempurnakan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali di kediaman rasminya di sini.

Sulaiman berkata, bantuan itu akan disalurkan terus di pusat pengumpulan bantuan banjir di Dewan Jubli Perak, Maran sebelum Kerajaan Pahang mengagihkan bantuan itu kepada mangsa banjir.

"Paling teruk (terjejas banjir) di Pahang, antaranya Raub dan Temerloh, masih tidak selesai lagi jadi elok-lah kita ke Pahang."

"Saya harap barang itu dapat diagihkan sebaik mungkin kepada mangsa banjir kerana difahamkan ada kalangan mereka ini yang tidak dapat bantuan sepenuhnya," katanya ditemui Melaka Hari Ini pada majlis pelepasan itu, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri, Datuk Rahmad Mariman, Se-

Misi Bantuan Pasca Banjir Kerajaan Negeri Melaka ke Pahang

Melaka prihatin



SULAIMAN ketika melekatkan pelekat Misi Bantuan Pasca Banjir Kerajaan Negeri Melaka ke Pahang pada kendaraan terlibat dalam majlis pelepasan misi bantuan tersebut di Seri Bendahara, baru-baru ini.

tiausaha Politik kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Sazali Muhd Din dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman yang mengetui misi bantuan berkenaan ke Pahang.

Pada misi sulung ini, MHI dilantik menjadi media rasmi misi bantuan yang diwakili wartawan, Mohammad Fazrul Abdul Majid dan

juruvideo, Amirul Ramli bagi merasai sendiri pengalaman membantu mangsa banjir serta mendalamai perderitaan yang mereka hadapi.

Sulaiman dalam pada itu mengulangi peringatan tegas kepada peserta misi bantuan itu untuk mengutamakan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) bagi membendung penularan COVID-19.

Katanya, meskipun Melaka berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, semua petugas sukarelawan yang menyertai misi bantuan itu disahkan bebas COVID-19 selepas menjalani ujian calitan.

"Saya harap kakitangan yang bergerak ke sana dapat sampaikan barang keperluan dan selesaikan seterusnya pulang ke negeri ini dalam keadaan selamat."

"Dalam tempoh Ordinan Darurat dan PKP 2.0 ini, saya harap semua sukarelawan dapat mematuhi segala SOP, malah hanya dua sukarelawan menaiki setiap kenderaan."

"Balik semula ke negeri ini, mereka perlu menjalani ujian calitan sekali lagi, malah dalam perjalanan ke Pahang, kita bekalkan makanan siap dibungkus. Kita tidak mahu wujudkan kluster lain," katanya lagi.

“Terima kasih Melaka”- EXCO Pahang

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MARAN - Seramai 40 sukarelawan yang terdiri daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan petugas pelbagai agensi berjaya merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Melaka menyampaikan sumbangan melalui Misi Bantuan Pasca Banjir Pahang di Dewan Jubli Perak, Maran, baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) merangkap ketua misi bantuan Datuk Shadan Othman berkata, pelbagai barang keperluan asas dan makanan telah diagihkan dalam misi tersebut dengan nilai bantuan dianggarkan berjumlah RM80,000.

Jelasnya, sebanyak 14 kendaraan, termasuk empat lori dan sebuah treler digerakkan dari Melaka ke Maran bagi menyampaikan misi selama sehari itu.

"Pada awalnya, kita berhasrat untuk terlibat dengan kerja-kerja pembersihan banjir di sini, namun selepas dinasihatkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), kita terpaksa menukar perancangan dan memberi fokus kepada penghantaran sumbangan sahaja."

"Dengan kekuatan yang kita ada, Alhamdulillah semua barang dan makanan yang disumbangkan pelbagai pihak seperti syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO), orang perseorangan dan lain-lain dapat kami sampaikan di Dewan Jubli Perak ini yang merupakan lokasi pengumpulan bantuan banjir," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas majlis penyampaian sumbangan di sini.

Yang turut hadir bagi penyempurnaan majlis tersebut ialah Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang Datuk Seri Shahaniza Shamsuddin.

Shahaniza yang ditemui MHI merakamkan rasa syukur dan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri Melaka yang sudi hadir menyampaikan sendiri bantuan.

Ujarnya, hubungan erat Melaka dan Pahang sudah terjalin sejak sekian lama dan ia akan terus dieratkan melalui bantuan-bantuan seperti ini.

"Tidak lupa ucapan terima kasih saya buat Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali yang mencetuskan misi bantuan yang dijalankan ini. Juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Hanya Allah SWT sahaja mampu membalaunya."

"Saya harap jalinan erat yang terjalin ini akan terus diperkuatkan. Kita di pihak Kerajaan Negeri Pahang juga akan sentiasa menghulurkan tangan membantu Melaka sekiranya diperlukan kelak," ujarnya.

Untuk rekod, selain lori dan treler, antara kendaraan lain yang menyertai misi tersebut termasuklah tiga buah kendaraan utiliti sukan (SUV) dan enam buah kendaraan pacuan empat roda.

Misi itu telah diketuai MPHTJ bersama tiga lagi PBT negeri iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Turut bersama-sama ialah wakil MKN negeri, polis, bomba, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Hospital Pakar Putra, Mamee Double-Decker (M) Sdn Bhd dan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) negeri.

MHI pula dipilih sebagai media rasmi misi berkenaan yang diwakili wartawan Mohamad Fazrul Abdul Majid dan juruvideo Amirul Ramli.



SHADAN ketika menyampaikan antara barang yang disumbangkan oleh Kerajaan Melaka kepada Shahaniza di Dewan Jubli Perak, Maran, baru-baru ini.



KESAN lumpur tinggalan banjir besar yang melanda bandar Maran baru-baru ini.

Ion Forte Green City

Mercu tanda baharu pelancongan Melaka



SULAIMAN (dua kiri) ketika melihat model pembangunan Ion Forte Green City sambil diberi penerangan oleh Ngan Choy (kiri).

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Pembangunan Ion Forte Green City di kawasan seluas 9.3 hektar dijangka menjadi mercu tanda baharu industri pelancongan di negeri ini dalam tempoh tujuh tahun akan datang.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, pembangunan yang diusahakan Kumpulan NCT Group of Companies secara usaha-

sama dengan Ayer Keroh Country Club (AKCC) dilengkapi dengan lima presint yang merangkumi pelbagai kemudahan termasuk kediaman servis mewah, suite kesihatan, rumah kelab dan kompleks komersial.

Katanya, pembangunan bernilai RM600 juta itu dijangka siap keseluruhannya pada tahun 2028, dilihat mampu memacu pertumbuhan ekonomi negeri dalam jangka masa panjang meskipun negara

bergelut dengan penularan pandemik COVID-19.

"Sepertimana yang saya maklumkan menerusi amanat saya kepada penjawat awam baru-baru ini (1 Januari lepas), tahun ini adalah pelaksanaan tentang apa yang dirancang sebelum ini dan rancangan untuk menjadikan Melaka sebagai negeri lestari perlu dilaksanakan sebaik mungkin bagi menggantikan kedatangan pelancong ke negeri ini.

"Difahamkan rancangan



SULAIMAN (tengah) ketika menyempurnakan gimik perasmian Majlis Pecah Tanah Ion Forte Green City di AKCC pada 12 Januari lepas.

- Pembangunan bernilai RM600 juta itu dijangka siap keseluruhannya pada tahun 2028.

bagi pembangunan ini dijalankan sejak dua tahun lalu dan tahun ini adalah tahun untuk melaksanakannya iaitu memulakan kerja pembangunan Ion Forte Green City," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Ion Forte Green City di AKCC, di sini

pada 12 Januari lepas.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri yang juga Pengerusi Melaka Golf Resort, Datuk Rahmad Mariman; Pengarah Urusan Kumpulan NCT Group of Companies, Datuk Seri Yap Ngan Choy dan Ketua Pegawai Eksekutif AKCC, Datuk Wira Dr. Ir Ahmad Zaini Mohd Amin.

Mengulas lanjut, beliau berkata pembangunan itu bagaimanapun perlu mengu-

tamakan mesra alam dengan memulihara alam sekitar di kawasan tersebut.

"Pembangunan mestilah memenuhi aspek mesra alam demi memastikan alam sekitar di kawasan itu terbelah kerana kawasan AKCC secara asasnya dibina oleh Al-lahyarham Tun Ghafar Baba, jadi saya mahu segala pembangunan yang dirancang mesti menjaga nilai sejarah yang terdapat di kawasan sekitar," katanya.

Inilah masanya putuskan rantaian COVID-19 - Sulaiman

"KALAU kita kasihkan negeri kita, mahu melihat semula sektor pelancongan serta aktiviti ekonomi Melaka terus berjalan, inilah masanya kita sama-sama putuskan rantaian (COVID-19) daripada

menular."

Itu rayuan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali kepada rakyat di negeri ini pada sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di Melaka yang

bermula 13 sehingga 26 Januari ini.

Beliau berkata, penguatkuasaan PKP pastinya memberi kesan terhadap sektor ekonomi di negeri yang mengutamakan industri pe-

lancongan namun ia bukan kali pertama dilaksanakan.

Justeru, beliau memohon orang ramai supaya mematuhi peraturan ditetapkan Kerajaan Persekutuan demi keselamatan

dan kesihatan orang ramai.

"Saya bimbang, jika kes terus meningkat, semua sektor dan industri kita akan turut terjejas sekali gus melemahkan pembangunan ekonomi negeri," katanya.

Taska, Tadika dibenar operasi tetapi perlu dapat kebenaran – Latipah

Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) di negeri ini boleh meneruskan operasi dengan syarat mempunyai kebenaran dari agensi berkaitan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar berkata, ibu bapa boleh mengantar anak-anak mereka, namun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

"Kerajaan benarkan taska atau tadika yang berdaftar beroperasi seperti biasa, namun perlu memaklumkan kepada Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berdekatan.

"Pengusaha perlu patuhi SOP mengikut garis panduan pencegahan penularan COVID-19 pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi keselamatan warga taska yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan Wanita," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jelasnya, setakat ini sebanyak 87 taska berdaftar dibenarkan beroperasi seperti biasa bermula 13 Januari lepas.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 66 taska di kawasan Melaka Tengah, 10 di Jasin dan 11 di Alor Gajah.

"Pengusaha taska dan tadika diingatkan supaya mematuhi SOP, jika ingkar atau gagal kita akan memberi notis sebagai peringatan," katanya lagi.



TASKA dan tadika berdaftar di negeri ini dibenar operasi namun perlu mendapat kebenaran daripada JKM terlebih dahulu. (Gambar fail)

RALAT

KAMI merujuk artikel yang disiarkan di muka surat 7 akhbar Melaka Hari Ini (MHI) Edisi 31 bertarikh 11-17 Januari 2021 bertajuk "Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah Baharu Diwujudkan".

Pihak kami ingin memaklumkan berlaku kesilapan pada perenggan pertama artikel berkenaan yang menyebut "kerajaan negeri sedia mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) di sekolah rendah bagi pesakit positif COVID-19 jika berlaku peningkatan kes di negeri ini".

Perkataan yang sebenar dalam laporan adalah "mewujudkan PKRC berisiko rendah" dan bukannya seperti laporan asal dalam akhbar berkenaan. Apa-apa kesulitan yang timbul kepada Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman adalah dikesalkan.

- PENGARANG

PKP 2.0: Produk pelancongan berdepan situasi sukar

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Sebanyak 664 produk pelancongan di Melaka berdepan situasi sukar dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 bermula 13 hingga 26 Januari ini.

Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Melaka (BPP) Jabatan Ketua Menteri, Saari Basiron berkata ia berikutan semua produk pelancongan dalam 13 sub sektor pelancongan yang ada di negeri ini tidak dibenarkan beroperasi kecuali bahagian penghotelan.

Katanya, antara sub sektor pelancongan yang terjejas adalah sejarah; budaya; rekreasi;

konvensyen; sukan; beli-belah; kesihatan; pendidikan; agro pelancongan; industri makanan; Melaka My Second Home; pelancongan belia dan ekopelancongan.

Berdasarkan audit dijalankan 31 Disember tahun lalu, sebanyak 405 hotel yang bertaraf orkid (hotel bajet) sehingga lima bintang dibenarkan beroperasi seperti biasa dalam tempoh PKP 2.0.

"Semua industri penghotelan masih beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Beliau berkata, semua industri pelancongan yang berdepan risiko akibat penutupan operasi terpaksa akur demi memastikan arahan kerajaan dipatuhi dan bagi keselamatan dan kesihatan semua pihak.

"Situasi agak sukar dalam tempoh dua minggu ini kepada industri namun demi melandaikan lekuk kes COVID-

19, industri terpaksa akur.

"Antara paling terjejas, dapat dilihat menerusi kunjungan orang ramai di Zoo Melaka susulan pembukaan tarikan baharu iaitu Dinosaur Encounter Park di lokasi pelancongan itu.

"Lokasi pelancongan yang antaranya ditutup termasuk Melaka River Cruise dan Taman Mini Malaysia dan Budaya ASEAN," katanya.

Sementara itu, pemilik Melaka After Dark Walking Tour, Shaukani Abbas berkata pelaksanaan PKP 2.0 menghentikan perancangan pelan pemas-

rannya pada tiga bulan pertama tahun ini.

Bagaimanapun katanya, gelombang ketiga COVID-19 menyaksikan peningkatan mendadak dan beliau tiada pilihan selain akur dengan perintah itu.

"Jadi, dalam tempoh PKP 2.0 itu, produk saya sama ada aktiviti secara maya maupun lawatan secara fizikal ditangguhan," katanya.



KAWASAN sekitar Bangunan Stadthuys yang kebiasaannya penuh dengan pelancong, mulai lengang sejak PKP 2.0 berkuatkuasa 13 Januari lepas.



PANTAI Padang Kemunting, Masjid Tanah yang berfungsi sebagai destinasi pelancongan popular di Melaka, sepi berikutan pelaksanaan PKP 2.0.



MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondalme87@
melakaharlin.my

PENGARANG ONLINE
MEOR RIDUWAN
meor7@riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMILUDIN
azren86@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlin.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlin.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlin.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlin.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlin.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlin.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlin.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlin.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHADILAH
SYED KHADIZIR
khaldiah@melakaharlin.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlin.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@
melakaharlin.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlin.my

JURUKAMERA
ISMAL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlin.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakaharlin.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli990@
melakaharlin.my

Lokasi pelancongan popular kembali 'sepi'

Din Ahmad

BANDA HILIR – Lazimnya lokasi pelancongan di sini sentiasa dipenuhi pelancong, namun kembali sepi berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di negeri ini.

Tinjauan di beberapa lokasi pelancongan popular di bandar ini dan pantai peranginan Pantai Puteri, Tanjung Kling serta Pengkalan Balak di Masjid Tanah, mendapati keadaan lengang berbanding sebelum PKP 2.0 diumumkan.

PKP selama dua minggu yang bermula 13 Januari lepas menyebabkan peniaga di kawasan berkecuaan terpaksa menghentikan operasi kerana ketiadaan pengunjung.

Di Jonker Walk dan beberapa jalan utama di

Banda Hilir lengang tanpa kehadiran pelancong bersiar-siar atau membeli belah barang cenderahati di gerai berdekatan.

Di Pantai Puteri pula tiada kesesakan lalu lintas berlaku seperti lazimnya di Kampung Pengkalan Perigi, Pantai Jaring, Pantai Rombang dan Pantai Kundur berikutan pertambahan jumlah kenderaan pengunjung, begitu juga di pantai peranginan Pengkalan Balak dan Padang Kemunting.

Pengusaha bot pisang di pantai Padang Kemunting, Amri Zul, 30, berkata perniagaannya menurun sejak PKP dilaksanakan pada tahun lalu dan kali ini, ia dijangka berulang lagi.

"Sebelum ini pelancong dari Kuala Lumpur, Johor, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan memenuhi pantai ini tetapi sekarang mereka tiada

lagi kerana larangan rentas negeri sudah dikuatkuasa," katanya.

Sehubungan itu beliau terpaksa menyimpan dua bot pisangnya dan menyelenggara bot sementara menunggu PKP dijangka berakhir pada 26 Januari ini.

Pemilik inap desa di pantai Pengkalan Balak, Bahari Md Hashim, 46, berkata beliau terpaksa memulangkan wang pendahuluan yang sudah dibayar tetamu berikutkan pembatalan tempahan.

"Bukan salah mereka terpaksa membatalkan tempahan, sebaliknya ia adalah kerana pandemik yang memberi kesan kepada semua pihak," katanya.

Meskipun mengalami kerugian, beliau tetap bersyukur tidak perlu membayar gaji pekerja seperti pengusaha chalet dan hotel yang lebih teruk terjejas akibat pandemik COVID-19.

Nenek parah, berisiko lumpuh dikejar kera

KAMPUNG MORTEN – Malang buat seorang warga emas yang berisiko lumpuh apabila patah tulang paha dan pinggul kiri dipercayai terjatuh ketika dikejar kera di halaman rumahnya, di sini pada 9 Januari lepas.

Sidang Kampung Morten Ahmad Safwan Salim berkata, dalam kejadian itu, wanita warga emas berusia 73 tahun terbabit ketika itu sedang membersihkan halaman rumahnya.

"Ketika dia yang tinggal bersendirian sedang membersihkan halaman rumah, tiba-tiba seekor kera cuba menyergahnya menyebabkan warga emas itu terkejut."

"Dalam keadaaan ketakutan, mangsa melarikan diri kerana bimbang diserang sebelum dipercayai jatuh tersungkur menyebabkan tulang paha kiri dan pinggulnya patah."

"Difahamkan, mangsa

perlu menjalani pembedahan atau jika tidak bersiko lumpuh," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Menurut Ahmad Safwan, mangsa kemudian dibantu penduduk sebelum dikejarkan ke Hospital Melaka untuk rawatan lanjut.

Tambahnya lagi, kes gangguan kera itu adalah yang kedua berlaku di kampung berkenaan sejak 2017 apabila habitat haiwan berkenaan di Taman Rumpun Bahagia, Batu Caves dibangunkan.

"Kes pertama berlaku pada 2019 yang turut mengakibatkan seorang warga emas patah kaki dikejar sekumpulan kera yang ingin mencari makanan di penempatan penduduk itu."

"Jabatan Perlindungan Hidup Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bagaimanapun telah membuat tindakan proaktif dengan meletakkan sangkar untuk men-

angkap haiwan berkenaan," katanya.

Selepas kejadian terbaru semalam katanya, PERHILITAN negeri telah turun ke lokasi bagi menempatkan sangkar yang lebih besar menggantikan sangkar sedia ada.

"Diharapkan selepas ini akan ada tindakan segera untuk mengelakkan kecederaan yang lebih teruk kepada penduduk mahupun pelancong."

"Ini sekali gus menjaga imej Kampung Morten sebagai lokasi pelancongan terkenal di Melaka sejak sekian lama," katanya.

Sementara itu, Pengarah PERHILITAN negeri, Mohd. Firrdhaus Mahmood berkata, susulan kejadian kelmarin, pihaknya telah meletakkan semula sangkar berkenaan di kawasan itu.

"Selepas insiden 2019, kita telah memindahkan sang-



KAKITANGAN PERHILITAN memasang perangkap kera di Kampung Morten.

kar ke kawasan lain selepas mendapatkannya itu pasif daripada serangan kera.

"Bagaimanapun sema-

lam, kita telah letakkan semula sangkar disitu.

"Kita tidak boleh tembak

lupus kera di situ kerana ka-

wasan di sana mempunyai bangunan tinggi dan khawatir tembakan akan tersasar," katanya.

142 lokasi 'panas' monyet liar dikenal pasti - PERHILITAN

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Melaka mengesahkan 142 lokasi lambakan monyet liar yang dikhawatir boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai.

Pengarahnya Mohd Firrdhaus Mahmood berkata, dari jumlah itu, 51 kawasan dikenal pasti di Daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah, manakala 40 lagi di Daerah Jasin.

Jelasnya, di Melaka Tengah, antara lokasi yang kerap menerima aduan ancaman monyet liar ialah Ayer Molek, kampung Paya Dalam, Telok Mas, Bertam Malim dan Tanjung Kling.

"Di Alor Gajah, membabitkan Kampung Solok Limau Nipis, Kampung Air Pa'abas, Kampung Tanjung Rimau Dalam, Taboh Naning dan Kampung Sungai Buloh.

"Kawasan di Umbai, Sun-

gai Rambai, Merlimau, Kampung Chohong dan Semujuk pula antara tempat yang sering terdapat gangguan monyet liar di Daerah Jasin," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mohd Firrdhaus berkata, sepanjang tahun lalu, pihaknya sudah berjaya menangkap 2,249 monyet liar dengan tangkapan tertinggi direkodkan di Daerah Alor Gajah iaitu 968 ekor disusuli Melaka Tengah (651) dan Jasin (630).

Ujarnya, tahun ini pihaknya akan terus mempergiat usaha menangani ancaman monyet liar di kawasan kampung dan perumahan bagi mengelakkan berlakunya kes kerosakan atau kecederaan membabitkan orang ramai.

"Antara tindakan yang akan dibuat seperti menjalankan operasi bersepadan serta pemasangan perangkap bagi mengurangkan populasinya," katanya lagi.

Terdahulu, Melaka Hari Ini melaporkan seorang warga emas berisiko lumpuh selepas patah kaki kiri dan tulang pinggul ketika cuba menyelamatkan diri daripada dikejar seekor kera liar di halaman rumahnya di Kampung Morten, baru-baru ini.

Dalam kejadian kira-kira 8.30 pagi itu, mangsa berusia 73 tahun yang sedang membersihkan halaman rumah secara tiba-tiba disergah seekor kera hingga menyebabkan dia terkejut dan terjatuh.

Selain itu, pada 11 Januari lalu, seorang bayi lelaki berusia dua bulan parah selepas digigit dan diseret kera di rumahnya di Kampung Manggis, Sungai Puyu, Butterworth.

Difahamkan kejadian ber-

laku ketika ibu bayi berkenaan ke dapur untuk membuat susu sebelum mendengar tangisan kuat anaknya yang diletakkan di atas tilam di ruang tamu rumah.

Wanita itu kemudian ber-

lari mendapatkan anaknya, namun terkejut melihat bayinya berada di atas lantai simen dengan berlumuran darah serta ternampak seekor kera jantan di hadapan pintu rumah.

STATISTIK TANGKAPAN KERA BAGI 2020

Alor Gajah - 968 ekor
Melaka Tengah - 651 ekor
Jasin - 630 ekor

Jumlah keseluruhan: 2,249 ekor

Lokasi hotspot yang terdapat banyak monyet liar

Melaka Tengah (Bilangan lokasi hotspot 51)


- Ayer Molek
- Tanjung Kling
- Kampung Paya Dalam
- Bertam Malim
- Telok Mas

Alor Gajah (Bilangan lokasi hotspot 51)

- Kampung Solok Limau Nipis
- Kampung Sungai Buloh
- Kampung Tanjung Rimau Dalam
- Taboh Naning
- Kampung Air Pa'abas

Jasin (Bilangan lokasi hotspot 40)

- Umbai
- Sungai Rambai
- Merlimau
- Kampung Chohong
- Semujuk



SEPAJANG tahun 2020, PERHILITAN sudah berjaya menangkap 2,249 monyet liar dengan tangkapan tertinggi direkodkan di Daerah Alor Gajah iaitu 968 ekor disusuli Melaka Tengah (651) dan Jasin (630). Foto MR. Azli



PKP2.0: ‘Dua minggu yang sangat penting’ - Rahmad

SERI NEGERI - Kerajaan merayu rakyat di negeri ini supaya memikirkan nasib mereka yang benar-benar terjejas akibat peningkatan kes COVID-19 sehingga kerajaan terpaksa melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, tempoh dua minggu pelaksanaan PKP2.0 bermula 13 Januari lepas adalah masa yang sangat penting untuk menurunkan angka kes terbaharu virus pembunuh ini.

Beliau turut mengajak rakyat bersama-sama kerajaan berusaha melandaikan graf kes supaya Melaka dapat dikelaskan semula kepada PKP

“Jangkitan mendadak di Melaka sekarang ini adalah di sebabkan kealpaan kita yang menyebabkan jangkitan dari kontak keluarga dan kontak rapat.”

Bersyarat (PKPB) dan seterusnya PKP Pemulihan (PKPP) agar semua aktiviti sosial dan ekonomi dibenarkan beroperasi semula seperti sebelum ini.

“Jika tidak, semua akan susah, kerajaan juga akan susah. Semua akan kurang pendapatan atau tiada pendapatan.

“Di hospital, pesakit COVID-19 semakin ramai dan

sesak manakala pesakit lain pula semakin kekurangan katil. Banyak kes-kes rawatan, pembedahan dan temujanji terpaksa ditangguh kerana mendahului kes COVID-19,” katanya dalam tulisan yang disiarkan di Facebook rasmi Kerajaan Negeri Melaka baru-baru ini.

Rahmad berkata, dalam

keadaan sukar hari ini dan dalam tempoh 10 bulan ini sejak

PKP pertama dilaksanakan Mac tahun lalu, beliau yakin semua rakyat sudah memahami dengan prosedur operasi standard (SOP) dan norma baharu.

“Maka tolonglah patuh dan amalkanlah SOP dan janganlah bersalam dan duduk rapat walaupun dengan ahli keluarga sendiri atau saudara dan rakan yang tidak tinggal serumah.

“Jangkitan mendadak di Melaka sekarang ini adalah di sebabkan kealpaan kita yang menyebabkan jangkitan dari kontak keluarga dan kontak rapat.

“Kasihanilah petugas kesihatan yang sudah terlalu penat dan hab kesihatan kita yang semakin tenat,” katanya.

Kerajaan Negeri Melaka
1h ·

2 MINGGU PKP ini adalah tempoh yg sangat penting! -YB Datuk Rahmad Mariman

Saya seru saya mohon saya rayu rakyat Melaka kita sama samalah berusaha turunkan kes covid 19,kita landai kan graf supaya kita di kelaskan semula ke PKPB dan seterusnya PKPP supaya semua aktiviti sosial dan ekonomi di benarkan semula.spt sebelum ini.

Jika tidak, semua akan susah kerajaan juga akan susah..semua akan kurang pendapatan atau tiada pendapatan.... See More



TULISAN Rahmad yang yang disiarkan di Facebook rasmi Kerajaan Negeri Melaka pada 13 Januari lepas.

Boleh Solat Jumaat, terhad 45 jemaah

Faiz Hasan

AYER KEROH – Solat Jumaat dan solat fardu berjemaah di masjid serta surau di Melaka dibenarkan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 selama 14 hari mulai 13 Januari lepas.

Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil dalam kenyataannya berkata, bagaimanapun bagi Solat Jumaat hanya dengan kehadiran 45 jemaah sahaja.

Menurutnya, perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Jawatank-

uasa Keselamatan Khas negeri di penguruskan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali, baru-baru ini.

“Solat Jumaat pada 15 Januari dan 22 Januari depan boleh diteruskan di semua surau yang diberikan kebenaran sementara sehingga satu pengumuman diberikan kelak.

“Kehadiran jemaah ke masjid dan surau yang dibenarkan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan Kemente-

rian Kesihatan Malaysia (KKM),” katanya.

Katanya, selaku pengerusi dan bagi pihak ahli jawatankuasa Fatwa Melaka, beliau memutuskan bagi perlaksanaan solat fardhu berjemaah di masjid dan surau, hanya lima jemaah saja dibenarkan pada waktu utama.

“Mereka terdiri daripada imam, pegawai syarak dan AJK hingga 26 Januari ini atau sehingga pemberitahuan perubahan mengikut Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya.

Sementara itu, menurutnya, ceramah umum, kelas pengajian agama dan kelas al-Quran ditangguhkan dalam tempoh PKP 2.0.

“Jabatan Mufti akan memberikan maklumat lanjut kepada masyarakat dari semasa ke semasa berdasarkan maklumat dan nasihat daripada KKM.

“Perincian lengkap berhubung aktiviti program dan kelas pengajian di masjid dan surau di negeri ini hendaklah merujuk arahan dikeluarkan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM),” katanya.



ABDUL Halim

Bantuan kembali ke sekolah MAIM Lanjut hingga 9 Julai depan

BUKIT PALAH – Penerima asnaf bagi Bantuan Kembali Ke Sekolah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) tidak perlu bimbang jika belum menerima kerana tempoh tuntutan dilanjutkan sehingga 9 Julai depan.

Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim berkata, bantuan pakaian dan peralatan sekolah bernilai RM250 itu dibuka sejak 10 Januari lalu dan pelanjutan masa diberikan mencukupi untuk keluarga asnaf menyediakan kelengkapan untuk anak-anak mereka.

Begitupun, katanya, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, bantuan dihentikan seketika dan

pihaknya perlu mendapatkan maklum balas dan pandangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung prosedur agihan.

“Kita akan dapatkan pandangan itu kerana biarpun sekolah tutup, namun pelajar tingkatan lima yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu bersekolah, dan ini akan diperincikan dalam masa terdekat ini.

“Kita beri masa sehingga 9 Julai ini bagi menyantuni golongan asnaf yang perlu datang pada bila-bila masa ke pejabat MAIM bagi mendapat bantuan ini kerana kekangan jarak, masa dan pandemik yang melanda,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

“Bantuan pakaian dan peralatan sekolah bernilai RM250 itu dibuka sejak 10 Januari lalu dan pelanjutan masa diberikan mencukupi untuk keluarga asnaf menyediakan kelengkapan untuk anak-anak mereka.”

Sementara itu, Muhammad Ikram berkata, tiada kuota ditetapkan dan setiap anak dalam keluarga asnaf yang terpilih layak menerima bantuan.

“Anak-anak darjah satu hingga tingkatan lima layak terima bantuan pakaian dan peralatan sekolah bernilai

RM250 ini.

“Malah, jika tuntutan kurang daripada nilai RM250, bakinya boleh dituntut pada masa akan datang dengan barang peralatan sekolah disumbang MAIM.

“Ini bagi memastikan mereka sentiasa selesa dengan pakaian yang diberikan, jika

pertengahan tahun sudah lulus atau koyak, lebihan wang dari bantuan yang ada boleh dituntut dalam tempoh yang ditetapkan,” katanya.

Untuk rekod, sehingga semalam, kira-kira 400 individu telah menerima bantuan itu dan MAIM menyasarkan kira-kira 9,800 penerima.



MUHAMMAD Ikram



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)

Lebih 9,000 anak asnaf terima bantuan pakaian sekolah

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Sera-mai lebih 9,800 anak asnaf dalam kalangan penerima bantuan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) layak menerima sumbangan pakaian sekolah bermula pada bulan ini.

Bantuan yang diberi merupakan bantuan berbentuk pakaian dan peralatan sekolah bagi anak-anak asnaf yang bersekolah di peringkat rendah mahupun menengah. Walau bagaimanapun dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ini, proses penyampaian bantuan ini dihentikan dan ditangguhkan sementara sehingga mendapat pandangan serta maklum balas daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pada tahun ini, untuk sumbangan berkenaan MAIM telah memperuntukan sebanyak RM 2.45 juta dan ini melibatkan semua penerima bantuan di seluruh negeri ini.

Untuk rekod, setiap anak-anak asnaf tersebut menerima bantuan berjumlah RM 250 yang merangkumi pakaian, kasut dan juga beg sekolah bagi sesi persekolahan untuk

tahun 2021.

MAIM juga menyerahkan bantuan pakaian sekolah kepada golongan saudara muslim ataupun muallaf yang layak di sekitar negeri ini.

Dengan bagaimanapun dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ini, proses penyampaian bantuan ini dihentikan dan ditangguhkan sementara sehingga mendapat pandangan serta maklum balas daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pada dasarnya, pelajar tingkatan lima yang akan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu mengikuti jadual persekolahan dan perkara berkenaan akan diperhalusi bagi memberi peluang mereka mendapatkan bantuan pakaian sekolah dengan sebaiknya.

MAIM memberi tempoh sehingga 9 Julai tahun ini bagi

memberi ruang kepada asnaf untuk mengambil bantuan berkenaan berikut ramai dalam kalangan mereka mempunyai kekangan jarak, masa dan juga pandemik yang masih melanda di negara ini.

Dengan bantuan yang disediakan sedikit sebanyak mampu membantu golongan asnaf khususnya bagi mereka yang mempunyai anak yang masih di alam persekolahan di samping memberi pendidikan yang terbaik kepada anak-anak asnaf.

Sebahagian daripada ibu bapa turut mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih dengan bantuan yang diberi yang mana ianya mampu membantu mengurangkan beban mereka dalam menyediakan peralatan persekolahan.

Bantuan berkenaan merupakan antara skim bantuan yang disediakan oleh pihak



ASNAP berurusan bagi mendapatkan bantuan pakaian sekolah.

MAIM dan mampu memberi keyakinan kepada masyarakat Islam di negeri ini untuk melunaskan tanggungjawab sebagai pembayar zakat.

MAIM juga sentiasa komited dalam memastikan setiap asnaf akan mendapat bantuan

yang sewajarnya dan orang ramai khususnya masyarakat Islam di negeri ini untuk bersama membantu MAIM mengenal pasti mereka yang layak dibantu bagi memastikan mereka tidak dipinggirkan begitu sahaja.

Sebarang pertanyaan maupun penyampaian maklumat orang ramai boleh menghubungi MAIM di talian 06-2881882/2881877 atau boleh layari laman sesawang rasmi MAIM di www.maim.gov.my.



MAKLUMAN

BILIK GERAKAN COVID-19 AGENSI AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA

13hb - 26hb JANUARI 2021

NO. HOTLINE MAIM :
06-283 7416/06-284 9809/06-283 2077
SAMBUNGAN : EXT 156

WAKTU OPERASI :
09.30AM - 4.30PM (ISNIN - AHAD)

TERUS DUDUK RUMAH DAN
PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



PEMAKLUMAN

PENUTUPAN KAUNTER AGIHAN ZAKAT:
MULAI 13 JANUARI 2021 HINGGA 26 JANUARI 2021
SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
TUAN / PUAN BOLEH HUBUNGK DI TALIAN BERIKUT :

| | |
|--|---|
| NO. HOTLINE MAIM MELAKA TENGAH: 06 - 288 1881 / 1877 018 - 989 3486 | NO. HOTLINE MAIM JASIN : 06 - 529 8417 / 8415 011 - 5775 9066 |
| NO. HOTLINE MAIM MERLIMAU : 06 - 263 9503 / 9504 011 - 1316 3025 | NO. HOTLINE MAIM ALOR GAJAH / MASJID TANAH : 06 - 384 2699 011 - 5693 7614 |



WAKTU OPERASI : 08AM - 05PM (ISNIN - JUMAAT)

Celik & Cakna Zakat



ZAKAT Melaka (ZM) sentiasa mengadakan program turun padang menyantuni agensi korporat dan swasta dalam melaksanakan tanggungjawab mereka melunaskan zakat. ZM juga menyediakan perkhidmatan CALL And TAKE, "Kira & Lunas Zakat" bagi memudahkan masyarakat Islam sama ada individu atau syarikat untuk menuaikan ibadah zakat.



KETUA Pegawai Eksekutif Zakat Melaka (ZM), Datuk Ibrahim Fadzil menerima kunjungan hormat daripada delegasi Bank Rakyat yang diketuai oleh Pengarah Wilayah (Selatan), Norahim Buang di ibu pejabat ZM baru-baru ini. Pertemuan mesra itu lebih terarah kepada membentuk kerjasama lebih erat dalam memastikan kemudahan pembayaran zakat dapat dilestarikan dengan lebih menyeluruh di masa akan datang.



ADUN Kuala Linggi, Datuk Wira AR. Ismail Othman mengadakan pertemuan bersama pegawai Bahagian Wakaf MAIM bagi urusan proses pewakafan tanah beliau di atas lot 1328, Mukum Kuala Sungai Baru yang mempunyai keluasan 2 ekar bagi tujuan tapak surau serta pusat pengajian agama.

Ihsan adalah nilai kualiti dalam ibadah

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

AGAMA ini tidak mengukur besar dan banyak sesuatu amalan, akan tetapi mementingkan kualiti ibadah yang dilakukan adalah menepati kehendak Allah yang menciptakan manusia. Ibadah di dalam Islam tertakluk kepada dua perkara penting. Pertamanya adalah Ibadah yang dilakukan adalah ibadah yang sah di sisi Allah yang mana ianya mestilah bersangkutan atau benar-benar datangnya dari baginda nabi Muhammad sebagai utusan Allah kepada manusia. Kedua, ibadah itu dilakukan dengan ikhlas kerana Allah tanpa ada sebab-sebab lain seseorang manusia muslim itu melakukannya. Kedua perkara ini adalah menjadi sebab ibadah yang dilakukan itu diterima oleh Allah.

Ihsan merupakan perkara yang wajib dalam beribadah. Tidak kira apa sahaja ibadah solat, puasa, haji, zakat dan sebagainya memerlukan sifat ihsan di dalamnya agar ibadah itu mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah. Rasulullah pernah bersabda mengenai sifat ihsan itu sepertimana dalam sebuah hadis, "Allah mewajibkan sifat ihsan itu kepada setiap sesuatu. Jikalau kamu hendak membunuh binatang, maka lakukan dengan cara yang baik. Apabila kamu hendak menyembelih, maka lakukan dengan sembelihan yang baik. Kamu perlu menjamikan pisau dan merehatkan binatang yang hendak disembelih." (HR Imam Muslim)

Islam tidak menganggap pelaksanaan yang baik sudah mencukupi sebaliknya Al-Quran menganjurkan supaya sesuatu amalan itu dilakukan dengan cara yang paling baik. Sesuatu ibadah itu tidak cukup jika sekadar dilakukan dengan adab yang paling baik dalam pelaksanaannya, kerana apa yang paling penting adalah hati yang ikhlas dan mempunyai sifat ihsan dalam melakukan sesuatu itu. Allah SWT berfirman:

Yang bermaksud: "Dan turutlah - Al-Quran - sebaik-baik (panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya." (Surah Az-Zumar 39: Ayat 55)

Ramai orang yang bersolat, tetapi solatnya tidak diterima kerana kecuaianya di dalam solat. Mereka lahir kerana hati yang tidak khusuk kerana Allah dan mempunyai sifat riak terhadap amalan tersebut. Ramai juga orang melaksanakan puasa Ramadan, tetapi tidak diterima kerana mereka sekadar menahan lapar dan dahaga tapi tidak menjaga akhlak berpuasa. Begitu juga mereka yang mengeluarkan zakatnya dengan jumlah yang banyak tetapi tidak diterima kerana harta itu dikeluarkan dengan rasa keterpaksaan dan dalam keadaan kebakilan. Mereka juga mungkin mengeluarkan zakat tersebut atas dasar keduniaan seperti mengeluarkannya atas niat mengelakkan cukai dari pemerintah atau lain-lain sebab. Allah SWT berfirman:

Yang bermaksud: "Daging dan darah

" Ihsan merupakan perkara yang wajib dalam beribadah. Tidak kira apa sahaja ibadah solat, puasa, haji, zakat dan sebagainya memerlukan sifat ihsan di dalamnya agar ibadah itu mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah. "

binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah Ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarcan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya." (Surah Al-Hajj 22: Ayat 37)

Semua amalan ini adalah berkait dengan amalan hati. Allah tidak melihat berapa banyak

rakaat solat-solat sunat yang kita lakukan. Tidak juga berapa banyak hari kita selesaikan berpuasa Isnin dan Khamis. Tidak juga Allah menilai berapa jumlah wang yang kita keluarkan zakat kita atau berapa kalikah kita laksanakan umrah dan haji setiap tahun. Akan tetapi menilai sesuatu itu berdasarkan keikhlasan kita dan sifat ihsan yang disertakan di dalam amalan tersebut.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43 ZAKAT MELAKA atau melayari laman web untuk info lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
– (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

Jom Tunaikan ZAKAT ASB

Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan hukum pelaburan dalam ASB serta DIVIDEN bonus adalah HARUS.

Kaedah IJTIHAD juga digunakan oleh kebanyakan Majlis Penasihat Syariah dalam industri sekuriti dan kewangan untuk menentukan hukum (produk).



ZAKAT (Kaedah Pengiraan) WANG SIMPANAN

| Tarikh Simpan | Tarikh Keluar | Masuk (RM) | Keluar (RM) | Baki (RM) |
|---------------|---------------|--------------------------------------|-------------|------------|
| 01/01/20XX | | 100,000.00 | | 100,000.00 |
| | 23/04/20XX | 7,000.00 <small>(Dividen)</small> | 5,000.00 | 102,000.00 |
| | 30/05/20XX | | 5,000.00 | 97,000.00 |
| 10/07/20XX | | 2,000.00 | | 99,000.00 |
| | 12/08/20XX | | 5,000.00 | 94,000.00 |
| 11/11/20XX | | 2,000.00 | | 96,000.00 |
| 31/12/20XX | | 2,000.00 | | 98,000.00 |

Zakat Wang Simpanan

$$\begin{aligned} &= \text{Baki Terendah (Setahun)} \times 2.5\% \\ &= \text{RM } 94,000 \times 2.5\% \\ &= \text{RM } 2,350.00 \end{aligned}$$

NISAB ZAKAT
TAHUN 2020
RM 15,767.73

AGIHAN ZAKAT 2019

Data sehingga 31 DISEMBER 2019

Jumlah Keseluruhan: RM 96.62 JUTA

FAKIR RM 5.72 JUTA

AMIL RM 15.45 JUTA

RIQAB RM 638,800

FISABILILLAH RM 26.47 JUTA

MISKIN RM 38.15 JUTA

MUALLAF RM 9.23 JUTA

GHARIMIN RM 835,550

IBNU SABIL RM 92,588

Terima Kasih Pembayar Zakat

1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

zakat.melaka

Zakat Melaka



TERIMA KASIH PEMBAYAR ZAKAT NEGERI MELAKA

Zakat - Bersih Jiwa Suci Harta

www.izakat.com

1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

zakat.melaka

Zakat Melaka

Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari:



www.izakat.com


ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa Suci Harta

Ziarah Kasih Baik Pulih Rumah Asnaf

TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud bersama Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat MAIM, Shakina Mohd Said meninjau rumah asnaf, Mardinah Abdullah yang telah siap baik pulih baru-baru ini.



TURUT memantau dan meninjau proses baik pulih bumbung rumah asnaf, Ab Rahman Ghapur di Kampung Banda Hilir dan menyampaikan sumbangan kit makanan serta wang tunai kepada asnaf.



BADAN Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM bersama Pejabat Agihan Zakat Cawangan Jasin menyampaikan sumbangan 2 unit katil kepada asnaf di sekitar DUN Asahan.

ZAKAT Melaka (ZM) dengan kerjasama MAIM bersama Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah mengadakan serahan sumbangan katil kepada asnaf di sekitar negeri ini. Sebanyak 8 unit katil telah diserahkan dan penyampaian berkenaan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZM, Datuk Ibrahim Fadzil.

Ke Manakah Wakaf Anda?



Jam Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka



Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja



**Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI
SECARA BULANAN**

**Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET
BOOST**

**Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter
Wakaf MAIM**

**Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34**

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : SEJARAH**

PENTAKSIRAN SEJARAH SPM 2020

DALAM slot 3 Sejarah, calon-calon SPM akan dikongsikan teknik menjawab Bahagian B Kertas 2 Sejarah (1249/2) iaitu soalan esei.

Pengenalan Bahagian B Kertas 2 Sejarah

- Jenis item soalan Bahagian B adalah **soalan esei**.
- 7 soalan akan diberikan dan calon wajib menjawab 3 soalan sahaja.
- Soalan 5,6 dan 7 akan diuji dari mana-mana bab Tingkatan 4.
- Soalan 8 sama ada dari bab Tingkatan 4 atau tingkatan 5.
- Soalan 9, 10 dan 11 dari mana-mana bab Tingkatan 5.
- Markah bagi setiap soalan esei adalah 20 markah.
- Jumlah keseluruhan markah adalah 60 markah.

Contoh Soalan Esei (Bahagian B)

SPMU 2018 (soalan 9)

Pentadbiran Malayan Union diperkenalkan oleh British bagi menggantikan Pentadbiran Tentera British.

- (a) Jelaskan ciri-ciri Malayan Union. [4 markah]
 (b) Huraikan sebab British memperkenalkan Malayan Union. [8 markah]
 (c) Andaikan anda sebagai pemimpin orang melayu semasa Malayan Union.
 Beri cadangan anda untuk membuat penambahbaikan terhadap Malayan Union supaya orang Melayu boleh menerima Malayan Union. [8 markah]

Kata Tugas Soalan Esei

Beberapa kata tugas yang sering digunakan dalam soalan esei Sejarah Kertas 2 SPM adalah :

| Bil | Kata Tugas | Contoh / Penerangan |
|-----|--|--|
| 1. | Apakah | Contoh : <i>Apakah Piagam Madinah ?</i> [SPM 2016, 6(a)] <i>Sebagai warganegara yang patriotik, apakah tanggungjawab anda untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia ?</i> [SPM 2013, 10 c(ii)] Penerangan : <i>Jawapan berkaitan dengan konsep/ istilah / fakta. Jawapan lebih khusus dan spesifik.</i> |
| 2. | Adakah / Wajarkah/ Bersetujukah/ Berjayakah | Contoh : <i>Adakah pelaksanaan Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan ?</i> [SPM 2014, 9 (cii)] <i>Terdapat parti politik yang mencadangkan agar Indonesia dan Filipina turut serta dalam Persekutuan Malaysia.</i> <i>Wajarkah cadangan tersebut ?</i> [SPM 2017, 9 (c)] <i>Tanpa penerokaan dan penjelajahan, Eropah tidak akan maju seperti sekarang.</i> <i>Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut ?</i> [SPM 2018, 10 (c)] <i>Selepas merdeka, kerajaan berusaha untuk menangani kesan dwiekonomi.</i> <i>Berjayakah kerajaan menangani kesan tersebut ?</i> [SPM 2014, 8 c(ii)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan pendirian calon sama ada Ya / Tidak / Wajar / Tidak Wajar / Bersetuju / Tidak Bersetuju / Berjaya / Tidak Berjaya.</i> <i>Pendirian calon tidak diberi markah tetapi perlu disokong dengan alasan yang bernes.</i> |
| 3. | Bagaimanakah | Contoh : <i>Bagaimanakah generasi muda memanfaatkan globalisasi ?</i> [SPM 2014, 11c(i)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan penerangan atau huraian yang munasabah tentang sesuatu keadaan/ cara/ langkah/ usaha.</i> |
| 4. | Beri alasan Beri cadangan Beri hujah Beri pendapat Kemukakan alasan | Contoh : <i>Tanpa penerokaan dan penjelajahan, Eropah tidak akan maju seperti sekarang.</i> <i>Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut ?</i> <i>Beri hujah anda.</i> [SPM 2018, 10 (c)] <i>Terdapat segelintir rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda masih tidak mendaftar sebagai pengundi.</i> <i>Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku ?</i> <i>Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.</i> [SPM 2014, 10 c(ii)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan pandangan/pendapat dan huraian tentang sebab/ cara/ langkah/ usaha bagi sesuatu pernyataan/ kejadian/ isu / perkara.</i> |

| | | |
|-----|-----------------------------------|--|
| 5. | Buktikan | Contoh : <i>Usaha untuk membentuk Persekutuan Malaysia penuh dengan rintangan.</i> <i>Buktikan pernyataan tersebut.</i> [SPM 2017, 9(b)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan penerangan yang nyata tentang sesuatu perkara dengan mengemukakan bukti atau evidens.</i> |
| 6. | Jelaskan / Beri penjelasan | Contoh : <i>Jelaskan kesan sesuatu perpeperangan.</i> [SPM 2012, 9(b)] <i>Adakah pelaksanaan Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan ?</i> <i>Berikan penjelasan anda.</i> [SPM 2014, 9 c(ii)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan penerangan dengan lebih lanjut supaya mudah difahami.</i> |
| 7. | Huraikan | Contoh : <i>Huraikan sebab British memperkenalkan Malayan Union.</i> [SPM 2018, 9(b)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan penjelasan tentang sesuatu peristiwa/ situasi / perkara dengan panjang lebar.</i> |
| 8. | Nyatakan | Contoh : <i>Nyatakan proses pilihan raya yang dilaksanakan di negara kita.</i> [SPM 2014, 10(a)] Penerangan : <i>Jawapan lebih khusus dan spesifik. Keterangan sebenar yang berlaku bagi sesuatu perkara/ proses.</i> |
| 9. | Mengapa-kah | Contoh : <i>Pada abad ke-16, pelaut Eropah aktif menjelajah dan meneroka kawasan di luar Eropah.</i> <i>Mengapa-kah mereka meneroka dan menjelajah ke luar Eropah ?</i> [SPM 2018, 10(a)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan huraian tentang sebab atau faktor-sesuatu peristiwa /perkara itu berlaku.</i> |
| 10. | Sejauh manakah | Contoh : <i>Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani cabaran globalisasi.</i> <i>Sejauh manakah langkah tersebut berkesan untuk memberi manfaat kepada kemajuan negara dalam era globalisasi ?</i> [SPM 2014, 10(a)] Penerangan : <i>Jawapan memerlukan penilaian ,pertimbangan dan pandangan calon tentang pernyataan/maklumat dengan memberikan huraian/ulasan yang lebih lanjut.</i> |

Teknik Menjawab Soalan Esei Kertas 2

1. Calon perlu menguasai keseluruhan kandungan sukan Sejarah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

10 BAB T4 + 9 BAB T5 → 19 BAB

2. Calon diwajibkan menjawab 3 soalan eseи sahaja. Pilih soalan yang mudah dan diyakini dapat dijawab dengan baik. Elakkan menjawab semua soalan eseи. Cadangan masa menjawab satu soalan eseи adalah 30 minit.

3. Jawapan calon mestilah dihuraikan dengan fakta, huraian dan contoh yang jelas dalam bentuk eseи dan ayat yang lengkap dan bukan dalam bentuk *point*.

Contoh : SPM 2018 (soalan 9)
Jelaskan ciri-ciri Malayan Union. [4 markah]
 9(a). Antara ciri Malayan Union ialah sebagai persediaan kepada Tanah Melayu kearah membentuk kerajaan tersendiri. (*ayat mesti lengkap*)

4. Lihat peruntukan markah dan isi jawapan mestilah sama atau lebih dari markah supaya tidak berlaku kekurangan mendapat markah penuh.

Contoh : SPM 2018 (soalan 9)
Jelaskan ciri-ciri Malayan Union. [4 markah] -*beri 4 atau lebih isi*

5. Gunakan penanda wacana untuk mulakan isi yang baru, menghuraikan isi, memberi contoh atau menutup isi seperti selain itu, di samping itu, seterusnya, akhir sekali, Hal ini berlaku kerana, misalnya, kesannya dan lain-lain lagi.



DATUK Dr Sabri
Mohamad Sharif

"MUSTAHAKNYA tahun ini, saya mahukan, segala apa yang telah kita rancang kita mesti pastikan semuanya dilaksana atau dalam bahasa mudahnya, get it done, bagi jadi, kasi jadi!"

Inilah antara intisari yang diucapkan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali, sewaktu menyampaikan amanat sempena awal tahun baharu 2021, kepada 400 orang ketua-ketua jabatan dan agensi, yang hadir ke MITC khususnya dan semua 39,568 penjawat awam di seluruh Melaka umumnya, baru-baru ini.

Kali ini, nada ucapannya sedikit tegas dan serius, tetapi tetap tenang, penuh kerendahan hati dan disampaikan secara jujur agar semang difahami oleh semua khalayaknya. Dengan bertemakan 'Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam Negeri Melaka', beliau telah menggariskan tujuh perkara utama, sebagai asas kejayaan Kerajaan Melaka, bagi mengharungi tahun 2021 yang mencabar ini.

Perkara pertama adalah kesungguhan dan tekun dalam bekerja. Beliau mahukan semua para penjawat awam di Melaka bekerja dengan tekun, jujur, penuh disiplin, penuh integriti dan berkompetsensi. Beliau sempat memetik hadis daripada Rasulullah SAW, yang menekankan prinsip 'itqan' yakni, tekun lagi bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Beliau meminjam pepatah Arab, 'Man Jadda Wa Jada', yang menyatakan bahawa jika seseorang itu bersungguh-sungguh, maka dia pasti akan berjaya. Selari dengan pepatah Melayu, "Di mana ada kemauan, di situ ada jalan", beliau menyeru para penjawat awam supaya, tidak lagi sekadar menjadi 'passenger' atau pemerhati semata-mata, sebaliknya, bekerjalah bersama dengannya dan kerajaan negeri, demi memberikan khidmat terbaik untuk rakyat Melaka.

Perkara kedua yang dinyatakan oleh Ketua Menteri bahawa tahun ini adalah tahun pelaksanaan atau dalam bahasa inggerisnya disebut, 'year of execution or year of implementation'. Beliau mahukan para penjawat awam melaksanakan tindakan-tindakan dengan cekap dan pantas, membuat penambahbaikan secara kreatif lagi inovatif, terhadap apa yang telah direncana selama ini.

Beliau juga menzahirkan bahawa, segala polisi, inisiatif dan program yang telah dirancang, mestilah benar-benar dilaksanakan dengan berkesan, menyentuh denyut nadi, hinggakan manfaatnya dirasai langsung kepada rakyat Melaka.

Perkara ketiganya adalah pendekatan hari-hari berjumpa rakyat. Yakni, mendengar keluhan, memahami, prihatin terhadap nasib mereka dan dapat memberikan 'the best service and delivery for the rakyat'.

Di sini, beliau menyarankan agar, semua agensi dan para penjawat awam di Negeri Melaka, yang berurusan setiap hari dengan rakyat, supaya dapat mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

Contohnya, dengan bertindak pantas dalam menyelesaikan aduan-aduan rakyat. Beliau mencadangkan agar kaunter-kaunter perkhemat tetap dibuka, walaupun pada waktu

2021 tahun pelaksanaan, bagi jadi kasi jadi!

rehat.

Perkara keempat adalah, melihat 'result' atau pun hasil, terhadap semua yang telah dilaksanakan.

Contohnya, beliau mahukan kesemuanya lebih 80 inisiatif Belanjawan 2021 Negeri Melaka yang telah dibentangkan, dapat dilaksanakan segera, supaya impak manfaatnya, lekas sampai kepada semua rakyat di Negeri Melaka.

Misalnya, dalam 40 touch point utama tersebut, telah diumumkan pemberian pelitup muka dan 'hand sanitizer' kepada semua pelajar di seluruh Melaka secara percuma bernilai RM5juta ringgit, agar dapat diagihkan dengan segera kepada semua pelajar di Melaka.

Sebagai pengiktiraban, Ketua Menteri juga sempat mengupas sebuah buku bertajuk "Why Nations Fail", karya Daron Acemoglu dan James Robinson, yang menceritakan perihal satu kawasan yang sama, tetapi hanya dipisahkan oleh pagar sempadan dua negara.

Satu; Nogales, Arizona berada dalam negara Amerika Syarikat, manakala sebahagian lagi, Nogales, Sonora, yang terletak dalam negara Mexico.

Nogales Arizona Amerika Syarikat dikatakan lebih maju, pendapatan perkapita rakyatnya tinggi, tahap pendidikan penduduknya lebih berkualiti serta banyak peluang pekerjaan yang boleh diperolehi.

Manakala yang satu lagi, Nogales, Sonora, Mexico, yang pada ketika itu, pendapatan perkapita penduduknya lebih rendah, ramai anak-anak warganya tidak mendapat pendidikan sepatutnya dan kadar pengangguran juga agak tinggi.

Beliau memberi satu lagi contoh lain iaitu, Portugis atau negara Portugal, dulunya pernah menakluk Melaka, kini di Eropah hanya menjadi negara yang 'biasa-biasa' sahaja.

Sedangkan UAE khususnya Dubai, dulu hanya sebuah padang pasir yang tandus lagi kering kontang, kini telah bertukar wajah menjadi pusat perdagangan dan pelancongan tersohor di dunia.

Kerana itulah, beliau menyarankan para penjawat awam untuk mengamalkan, empat fungsi asas dalam pengurusan berkesan global iaitu, planning, organizing, leading dan controlling ataupun POLC atau, Merancang, Mengurus, Memimpin dan Mengawal, terutama bagi mencapai sesuatu tadbir urus supaya menjadi lebih berkesan, sistematis dan holistik, untuk kebaikan Negeri Melaka.

Ketua Menteri juga telah umumkan, pembuahan Daerah Masjid Tanah sebagai daerah yang baharu, sebagai pemangkin, dalam memaju jayakan ekonomi Negeri Melaka, tanpa menjelaskan usaha pembangunan daerah-daerah yang lain.

Perkara kelimanya adalah memastikan hala tuju Melaka Rumahku yang terkandung di dalamnya Visi Melaka, "Menuju Negeri Lestari", yang menggunakan indikator Sustainable Development Goals atau SDG, yakni, 17 Matlamat Pembangunan Lestari", Misi Negeri Melaka, yang berasaskan perkataan T.E.R.A.S. iaitu, Teknologi, Entrepreneurship, Revolusi Industri dan Ekonomi, Antarabangsa serta Sejahtera, dan enam pemboleh daya, mesti dilaksanakan sampai berjaya, demi untuk membahagiakan rakyat Melaka.

Selain itu, Ketua Menteri turut memuji kesemua empat PBT Negeri Melaka, yang



bukan sahaja telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang daripada KPPT pada 5 November lalu, bahkan, pada bulan lalu, menurut Petunjuk MURNInets KPPT merekodkan bahawa, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Jasin, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, telah diumumkan sebagai antara Bandar Paling Mampan di Malaysia bagi tahun 2019. Ini menjadikan keseluruhan Melaka, sebagai Negeri Mampan di Malaysia.

Perkara keenam yang ditegaskan oleh beliau bahawa, tiada lagi alasan untuk berlakunya kelewatan, dan kegagalan atau apa-apa jua yang boleh mengurangkan kualiti perkhidmatan serta penyampaian kepada rakyat Melaka.

Bagi **perkara ketujuh** pula adalah tentang KPI dan pelaksanaan program pada tahun ini. Setiap jabatan dan agensi Negeri Melaka akan dinilai dan dipantau serta perlu ada scorecard masing-masing.

Pelbagai pelan, inisiatif, program dan symbolic action, yang akan dilaksanakan untuk kebaikan rakyat dan kemakmuran Melaka. Antara program utama tersebut adalah Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 atau PSMJ 2035, pada sekitar awal Februari 2021.

Ketua Menteri juga menyarankan agar, semua agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka mempunyai pelan strategik tersendiri masing-masing, selari dengan pelan induk iaitu, PSMJ 2035, yang menepati dengan prinsip amalan pengurusan efektif global iaitu, SMART, yakni Specific, Measurable, Attainable, Realistic and Time-bound.

Bagi PSMJ sebanyak 114 'Quick Wins' dan 33 'Symbolic Actions' telah ditetapkan sebagai keutamaan Kerajaan Melaka. Manakala sejumlah 8 Flagship iaitu tema utama telah dibentuk bagi membolehkan Kerajaan Melaka mencapai sasaran KPI jangka pendek, sederhana dan jangka panjang iaitu:

- i) **Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ);**
- ii) **Pengurusan Air Mampan;**
- iii) **Pembangunan Bersasar;**
- iv) **Digital Melaka;**

Imbas Kod QR, dan salurkan pandai

- v) **Melaka Negeri Usahawan;**
- vi) **Melaka Negeri Pelancongan;**
- vii) **Melaka Hub Pendidikan; dan**
- viii) **Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kesihatan, Kebajikan dan Belia & Sukan)**

Di samping itu, beberapa symbolic actions akan dilaksanakan pada tahun ini antaranya:

Pelancaran pelan induk pembangunan atau Blueprint M-WEZ, yakni koridor baharu zon ekonomi persisiran pantai Melaka yang mampan dan pintar, bakal menjadi game changer, kepada negeri ini, pada sekitar bulan April ini.

Pelancaran masterplan pelancongan Negeri Melaka, Pelancaran Blueprint Smart Melaka dan Pelancaran Skuad Mediator Perpaduan Negeri Melaka bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Selain itu, setelah berjaya membantu 1,073 orang mendapat pekerjaan, melalui Karnival Penjana Kerjaya Melaka CareerTrans2020 tahun lepas, pada tahun ini, Kerajaan Melaka akan menganjurkan pula Karnival Penjana Kerjaya Peringkat Negeri Melaka pada skala yang lebih besar, di tiga daerah seluruh Negeri Melaka.

Bagi tujuan kebajikan pula, selain daripada mempergiat banru rakyat Melaka yang memerlukan pertolongan, khususnya dalam tempoh PKP ini, beliau juga mengarahkan agar, empat PBT Negeri Melaka, untuk menghantar pasukan pasca banjir bagi membantu mangsa banjir di Pahang pada waktu terdekat ini.

Didoakan semoga usaha Ketua Menteri dan Kerajaan Melaka dalam menggema serta melaksanakan wajah baharu perkhidmatan awam di Melaka, sebagaimana yang pernah dilakukan oleh negara Swedia menerusi 'Sweden's National Reform' Program, 'Australian Government's Reform Agenda' di Australia, 'The Public Service for the 21st Century' di Singapura dan 'Public Sector Reform' di New Zealand, akan benar-benar dapat direalisasikan sehingga menjadi kenyataan. InsyaAllah!

Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada Ketua Menteri Melaka.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

RANTAU and *merantau* has been embedded this region since time immemorial. It manifests the spirit of the homeland long before the arrival of the Europeans, and other Asian communities. In the consciousness of the Malays in Malaysia, the practice has long been associated with the Minangkabaus. It is not peculiar to the Minangkabaus. *Merantau* is also present in the Bugis, Banjarese and Mandailing world view.

In my last column, I alluded to the statement that the Minangkabaus are subtle colonisers. Indeed, one finds Minangkabaus, rather the descendants, from Kedah and Kelantan, to Sabah and Sarawak; and throughout the Malay Archipelago stretching from Aceh to the Philippine islands. The association of *merantau* to Negeri Sembilan and the *adat perpatih* is an imperfect myth. It is not entirely incorrect to rationalize *merantau* to the matrilineal system.

The *merantau* narrative brings the Minangkabau especially close to history and geography. But a new meaning may be emerging – the visual and the virtual *rantau*. Thanks (and no thanks) to Google.

Merantau and *tanah air* are twin concepts. *Merantau* renders civilizational space. It anchors custom and culture. The *alam Minangbakau* did not only produce *adat perpatih*. The Minangkabau also gives us the *Adat Temenggong* (patrilineal). In Malaysia, all Malays practice *Adat Temenggong*, except for those in Negeri Sembilan, and even then, the Negeri Sembilan practice of *adat Perpatih* may well be by assimilation of the Bugis and other Malay ethnic groups.

Merantau reflects the intellectual and political beliefs of those resident in the Malay Archipelago. From the perspective of the Minangkabau world view, *merantau* literally



means travelling, sailing, exploring life, and knowledge. Hence *merantau* is not only geographical but abstract. It is geocultural, and spiritual.

Some of the earliest *merantau* was recorded in the 7th century where gold traders originating from the Minangkabau heartland conducted commercial transactions at the mouth of the Jambi River and was involved in forming the Malayu empire. Massive wanderings began from the 14th century saw many Minangkabau families moving toward the east coast of Sumatra, establishing trading colonies in Batu Bara and Pelalawan. Many crossed the Straits

in Meulaboh, Aceh and Anuek Jamee, Barus, Sibolga, Bengkulu to Lampung. If one were to ask those from Bengkulu, Jambi, Kampar, or Palembang, they would readily evoke their Minangkabau origins. With the fall of Melaka in 1511, Minangkabau families moved to South Sulawesi. There they laid the foundation of the Gowa Sultanate, served as traders and administratos there.

In my 2015 book *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang*, I described how the Alam Minangkabau was shaped by the ethos of *merantau*.

I gave the example of Dato' Godam and Dato' Jenaton who moved out of the *Ranah* at about the

Sultanate of Brunei stretches to present-day Sarawak and Sabah and parts of western coastal Borneo. The former director of the Brunei History Centre, Dato' Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri is a descendant of Dato' Godam.

Portuguese chronicler Tom Pires wrote in the 16th century that the population residing on the east coast of Sumatra such as Indragiri and Siak identify their polity as part of the "Tanah Minangkabau" (The Minangkabau region/land), at the same time identifying themselves as Malays. When Minangkabaus take up residence in the *rantau*, they evolve into Malays.

unite and bring together, and borders that separate and divide. The fluidity of "The Sea of Malaya" provide the space for *merantau* to "buka negeri" (open up land), form families and communities, reside in a place – not as migrants (a modern vocabulary), but as members of the larger family in the *rumah Alam Melayu* (house of the Malay World).

The *jiwa merantau* (the soul of *merantau*) is seen in the memory and some recent writings/autobiographies in Malaysia. These would be Architecture professor Ezrin Arbi's autobiography *Liku Hidup Perantau Minang: Dari Bukit Tinggi ke Kuala Lumpur* (2016), and some insights by Datuk Dr. Firdaus Abdullah in his Forward to the book. Firdaus brought in the element of spirit and knowledge in the enterprise of *merantau*.

Another is Aziz Ishak's *Mencari Bako* (1983). The author, Minister of Agriculture and Cooperatives under the Tunku Abdul Rahman's cabinet was a fifth generation Minangkabau. In his book, he raised the phenomenon of a second *rantau*. Inheriting from his grandfather who settled in Kedah/Pulau Pinang, Ahmad's is the second *rantau* (inilah *rantau yang kedua*). The first *rantau* was from the *Ranah Minangkabau*. Ahmad left Pulau Pinang to Kuala Terong, Perak around 1870s – becoming a *perantau* himself.

NEXT WEEK: The Road to Bukittinggi

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

“ The *merantau* narrative brings the Minangkabau especially close to history and geography. But a new meaning may be emerging – the visual and the virtual *rantau*. Thanks (and no thanks) to Google... *Merantau* and *tanah air* are twin concepts. *Merantau* renders civilizational space. It anchors custom and culture. The *alam Minangbakau* did not only produce *adat perpatih*. The Minangkabau also gives us the *Adat Temenggong* (patrilineal). ”

of Melaka to the peninsula. There was also those who moved through the West coast, taking up residence

same time – circa early 1700, one to Kedah, and Pulau Pinang, and the other to Brunei. Remember then the

The concept of *rantau* can be returning to one's place of origin, or *rantau larat* – the moving out not to return. Perhaps the best known work on the subject comes from Minangkabau sociologist Mokhtar Naim in his 1973 thesis titled "Merantau: Minangkabau Voluntary Migration." Translating "merantau" to "voluntary migration" is not entirely correct. The movement, wandering, if you will, is neither coerced nor voluntary.

Stretching *merantau* beyond customary practice, the archipelago has witnessed the movement of peoples traversing the fluidity of narrow waterways and the many straits, negotiating islands, sailing up and down rivers (*hulu* and *hilir*). The waterways function as highways that



PKP 2.0: Premis dalam pasar raya pun tak ‘kebal’ – MKN

Muhd Rizanizam Abdul Hamid

AYER KEROH – Tiada mana-mana premis di dalam pusat beli belah di negeri ini ‘kebal’ daripada mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Pengarah Keselamatan negeri Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mohd Nasrul Menhat berkata, beliau yang turun padang dalam tinjauan di sebuah pusat beli belah pada 15 Januari lepas mendapati, semua penyewa mematuhi segala SOP ditetapkan MKN.

“Contohnya kedai-kedai pakaian, cermin mata, salon, pusat refleksologi di dalam pusat beli belah ini semua mereka tidak beroperasi kecuali premis yang berada dalam sektor dibenarkan beroperasi.



PEMANTAUAN di sebuah pusat beli belah di Ayer Keroh pada 15 Januari lepas yang didapati mematuhi SOP PKP 2.0 apabila turut menutup operasi di bahagian pakaian.


“Jadi, tidak timbul seperti dakwaan yang tular mengatakan pihak berkuasa ‘pilih bulu’ apabila hanya mengambil tindakan pengawas SOP kepada premis-premis kecil tetapi membenarkan premis di

pasar raya beroperasi,” katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Menurutnya, dalam pemantauan kira-kira sejam itu mendapati, semua premis yang dilarang beroperasi semasa pelaksanaan PKP tidak

menjalankan peniagaan.

“Premis yang beroperasi antaranya adalah farmasi dan makanan yang hanya dihadkan untuk dibungkus dan tidak dibenarkan makan di dalam restoran sama seperti premis di luar,” katanya.



PENGUATKUASA JTK Melaka memeriksa spesifikasi tempat tinggal warga asing di sebuah kilang ais di Banda Hilir.

Perakuan penginapan pekerja asing

Lebih 95 peratus majikan di Melaka belum daftar

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDA HILIR – Lebih 95 peratus majikan di negeri ini dikesan belum mendaftar Perakuan Penginapan pekerja asing seperti termaktub dalam Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), sekali gus berdepan tindakan undang-undang.

Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Melaka, Rosli Jantan berkata, berdasarkan rekod pihaknya, hanya 82 daripada 1,981 majikan yang menggaji pekerja asing di Melaka sudah membuat perakuan penginapan.

Jelasnya, situasi itu menunjukkan trend membimbangkan kerana negara berdepan tuduhan mengamalkan buruh paksa sekiranya tidak menyediakan penginapan yang mematuhi standard ditetapkan.

“Kita menitik beratkan aspek penginapan kerana kita mahu elakkan majikan Malaysia dituduh mengamalkan buruh paksa. Sebab itulah kita kena pastikan penginapan pekerja asing mengikut standard piawaian antarabangsa.

“Jika kita tidak memenuhi standard itu, kita boleh berdepan seketuan ekonomi seperti yang berlaku pada beberapa syarikat pengeluar sarung tangan.

“Selain itu perakuan penginapan ini juga penting dalam usaha kita melakukan ‘mapping’ atau mengesan penempatan warga asing yang bekerja di negeri ini,” katanya kepada pemberita selepas memeriksa penginapan warga asing di sebuah kilang ais, di Banda Hilir, baru-baru ini.

Justeru beliau meminta semua majikan untuk menyegerakan proses pendaftaran itu yang boleh dilakukan secara atas talian sahaja.

Dalam pada itu, Rosli memaklumkan, JTK Melaka sudah membuka satu kertas siasatan dengan sembilan pertuduhan di atas pelbagai kesalahan membabitkan penginapan warga asing.

Ujarnya, antara pertuduhan tersebut ialah masing-masing satu di bawah Seksyen 24D (tiada perakuan penginapan), Seksyen 24H (tidak menyediakan penginapan yang sesuai) dan Seksyen 3 (tidak menyediakan peti kecemasan dan tong sampah) serta enam lagi pertuduhan di bawah Seksyen 4 di bawah kesalahan tidak menyediakan katil dan almari berkunci.

“Bagi kesalahan di bawah Seksyen 24D dan 24H memperuntukan denda tidak melebihi RM50,000, manakala kesalahan di bawah Seksyen 3 dan 4 masing-masing memperuntukan denda RM1,000,” katanya.

Untuk rekod, setakat Januari 2021, seramai 54,354 warga asing telah direkodkan bekerja di Melaka.

MPAG sedia 12 tong kitar semula sisa fabrik

Din Ahmad

ALOR GAJAH – Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) akan menyediakan 12 tong kitar semula sisa fabrik di pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) dan masjid di bandar ini dan Masjid Tanah.

Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadhil Hassan berkata, ia dijangka mampu mengutip 3,000 kg sisa fabrik seperti pakaian, tuala, selimut, kasut, beg, topi, tali pinggang dan kain buruk sebulan.

“MPAG berharap anggota komuniti

memberikan kerjasama bagi membantu pengurusan sisa fabrik secara lebih sistematis,” katanya pada program Kitar Semula Sisa Fabrik Peringkat Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) di Dataran Keris, di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka, Khairuladha Abdul Mutalib.

Program anjuran bersama SWCorp dengan MPAG itu turut dibantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Kloth Cares, Life Line Clothing Malaysia (LLCM) dan Selangor Youth Community (SAY) dengan

menyediakan peluang kepada orang ramai menghantar sisa fabrik secara pandu lalu kepada pengangur.

Sebanyak 5,510 kilogram (kg) sisa fabrik dikumpulkan pada program berkenaan hasil sumbangan anggota komuniti sekitar bandar ini dan Masjid Tanah yang prihatin terhadap usaha kerajaan memelihara alam sekitar, terutama dari aspek pelupusan sampah secara teratur dan konsisten.

Sementara itu, Khairuladha berkata, berdasarkan kajian komposisi 2020 yang dijalankan agensi itu, sebanyak 30.4 tan sisa fabrik sehari dikumpulkan di Tapak Pelupusan Sampah Sungai Udang, Tanjung Kling.

“Program ini bertujuan menyediakan kemudahan kepada anggota komuniti untuk menguruskan sisa fabrik secara lebih sistematis bagi membantu kerajaan mengurangkan 3.2 peratus sisa fabrik setahun.

“Jika sisa fabrik diuruskan dengan baik, jangka hayat tapak pelupusan sampah boleh dipanjangkan bagi menampung peningkatan sisa pepejal yang semakin meningkat setiap tahun,” katanya.

Beliau berkata, ia juga bertujuan melaksanakan Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 dan Capaian Pembangunan Kekal (SDG).

Sehubungan itu, SWCorp akan meningkatkan kerjasama dengan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini bagi memastikan pengurusan sampah secara sempurna pada masa depan.



SEBAHAGIAN daripada sisa fabrik dikumpulkan di Dataran Keris, Alor Gajah.

Peniaga beralih ke inisiatif jualan dalam talian

PENDEKATAN jualan dalam talian (*online*) merupakan inisiatif terakhir bagi golongan usahawan untuk memasarkan barang mereka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang berkuatkuasa di negeri ini bermula 13 Januari lepas.

Peniaga barang kraftangan dan makanan tradisi, Nawawi Mahmud, 28, berkata dia terpaksa menggunakan kaedah terbabit bagi memastikan barang terutama produk makanan tradisinya dihabiskan sebelum mencapai tarikh luput.

Nawawi yang hampir tujuh tahun berniaga di Pasar Pahlawan Walk menjelaskan, selain pendekatan dalam talian, dia turut akan memasarkan produk terbabit kepada rakan-rakan yang lain bagi memastikan produk mereka akan terus terjual sepanjang tempoh PKP 2.0.

"Bila diarahkan tutup operasi ia memang benar-benar terkesan, buat peniaga seperti kami tapi kita perlu cari jalan lain demi menyara kehidupan yang diumpamakan bila kerja ada gaji, bila tak kerja terpaksa 'menggigit jari'."

"Saya terpaksa habiskan setiap produk makanan seperti kerepek, dodos serta pelbagai lagi dalam tempoh PKP 2.0 ini bagi mengelak-



NAWAWI membungkus produk makanan tradisional yang dijualnya untuk dibawa pulang bagi melaksanakan jualan atas talian sebagai inisiatif bagi memastikan jualannya laris.

kan ia melepas tarikh luput, malah 70 peratus barang perniagaan saya adalah produk makanan tradisi dan selebihnya adalah barang kraftangan.

"Apapun jika ini jalan terbaik diberikan kerajaan, kami terpaksa akur asalkan pandemik COVID-19 ini mampu diputuskan di negeri ini," katanya.

Pada masa sama, Nawawi berkata, kerajaan negeri perlu mencari inisiatif lain bagi membantu peniaga terjejas seperti dalam kawasan terlibat.

"Kita harap agar kerajaan negeri bekerjasama bersama pengurusan bangunan ini bagi memberi potongan sewa kepada kami dalam tempoh ini disebabkan begitu terjejas dengan senario yang melanda," katanya.

Sementara itu, tinjauan Melaka Hari Ini ke sekitar lokasi pusat pelancongan negeri ini mendapati tiada sebarang operasi membabitkan jualan kraftangan dalam kawasan terlibat.

Malah, hanya beberapa premis perniagaan yang dibuka, bagaimana-



MEDAN Selera dan Kraftangan Samudera turut ditutup.

napun peniaga mengambil kesempatan mengemas premis mereka, selain membungkus setiap barang jualan untuk dibawa pulang bagi melaksanakan jualan atas talian.

Dalam tinjauan terbabit turut mendapati Medan Selera dan Kraftangan Samudera turut lengang dan tidak beroperasi.

Seorang peniaga yang ingin dikenali sebagai Rozila berkata, dia terpaksa akur dengan arahan yang ditetapkan kerajaan, bagaimanapun dia mencadangkan setiap arahan buat peniaga

mana-mana sektor di negara ini perlu diperincikan agar tidak menimbulkan kekeliruan buat peniaga seperti.

"Dalam tempoh yang agak mengejutkan ini kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) perlu keluarkan garis panduan dan saranan baharu tentang apa yang perlu dilaksanakan kerana ramai peniaga lain keliru dengan arahan yang dikeluarkan kerajaan.

"MITI juga perlu cari kaedah lain demi membantu peniaga yang terkesan seperti kami," katanya.

Projek PR1MA
Harga Jualan
Bermula RM 184,000

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
06 - 286 5120
Isrin hingga Jumaat (9:00 pagi - 5:00 petang)
E-mel: wiramagr@gmail.com

Kemudahan
Surau, Gimnasium, Tadika, Taman Permainan, Dewan Komuniti, BBS Dots

Pelan Lantai

| | |
|---|---|
| Jenis A (Tengah) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air) | Jenis A2 (Hujung) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air) |
| Jenis A1 (Tengah) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air) | Jenis A3 (Hujung) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air) |

TYPE B1
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sqft

TYPE C1
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sqft

** All dimensions subject to variation, modulus & condition subject to the architect's seal. ** Subject to appropriate authority.

**RESIDENSI
Bukit Katil**
Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

GERANG KEHIDUPAN KOMUNITI MODEN

Akses gerbang moden di RESIDENSI BUKIT KATIL yang terletak di kawasan strategik dengan dekat sentral rekreasi serta berdekatan dengan hospital, pusat perbelanjaan dan pusat perniagaan.

NIKMATI GAYA HIDUP LENGPAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana membangun seperti sekolah, hospital dan pusat komersial.

NO. LESEN PEMAJU : 14169-45/01-2021/01433 (L)
TEMPOH SAH : 16/1/2020 - 15/01/2021

NO. PERMIT IKLAN & JUALAN : 14169-45/01-2021/01433 (P)
TEMPOH SAH : 16/1/2020 - 15/01/2021

NAMA PIHAK BERKUASA : MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
NO: KELULUSAN PELAN BANGUNAN : MBMB/JKB/03011/2016

PEGANGAN TANAH : MCL

TEKS UCAPAN DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI KETUA MENTERI MELAKA SEMPENA BELANJAWAN TAHUN 2021 NEGERI MELAKA

PEMBUKAAN AKAUN SSPN-I ANAK KELAHIRAN MELAKA

KITA (kerajaan negeri) akan teruskan pemberian, kepada semua bayi yang lahir di Melaka, melalui Akaun SSPN-i, berjumlah 50 ringgit setiap bayi.

Rebat Denda Lewat Pembayar Cukai

Kerajaan Melaka turut menawarkan pengecualian denda lewat sebanyak 50 peratus, kepada semua hakmilik berstatus individu di seluruh Melaka, dalam tempoh 21 September hingga 31 Disember 2020.

STRATEGI KESEBELAS: MENYANTUNI ISU-ISU RAKYAT

Banjir

Dalam RMKe-12 Tahun 2021-2025, Kerajaan Melaka mengemukakan tiga cadangan projek baharu kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air iaitu:

- (i) Projek Pemuliharaan Sungai Udang anggaran kos RM25 juta;
- (ii) Projek Pemuliharaan Sungai Selendar, anggaran kos RM15 juta;
- (iii) Kajian Semula IRBM Lembangan Sungai Linggi anggaran kos RM1.5 juta.

Kerajaan Melaka juga berhasrat membina lebih banyak tadahan air di kawasan taman-taman perumahan, bagi mengatasi masalah banjir.

Kerajaan Melaka juga berhasrat membina lebih banyak tadahan air di kawasan taman-taman perumahan, bagi mengatasi masalah banjir.

Peluang Pekerjaan

Bagi menangani hal pengangguran dan peluang pekerjaan, PERKESO memberi *reskilling* atau *upskilling*, melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja atau Penjana Kerjaya.

Insentif berjumlah RM600 hingga RM1,000 diberikan kepada majikan yang menggaji perantis dan penganggur termasuk golongan OKU serta tenaga kerja berusia.

Setelah menganjurkan Karnival Penjana Kerjaya Melaka CareerTrans2020 pada 18 dan 19 Ogos 2020, merekodkan kehadiran 4,357 job seekers, Kerajaan Melaka bersama PERKESO berjaya membantu 1,073 orang mendapat pekerjaan.

Untuk mendatang, selepas perincian, *employment hub* atau MeHUB bakal ditubuhkan. Rentetan sambutan luar biasa daripada rakyat Melaka, melalui mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka saya memutuskan, Karnival Penjana Kerjaya Melaka pada skala yang lebih besar, di 3 daerah seluruh Melaka akan diadakan pada awal tahun 2021.

Melalui Program Latihan Insentif Penjana Kerjaya, eluan latihan diberikan sehingga RM4,000, bagi setiap pekerja, dengan permojan dibuat melalui majikan.

Selain itu, Kerajaan Melaka melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian dan Keusahawanan Melaka atau MISDEC, telah menjalankan kursus jangka pendek, khususnya golongan B40 dan mereka yang dibentrikkan kerja.

Kesihatan

Akibat COVID-19, seluruh rakyat terpaksa membiasakan diri dengan *The New Norm*, bagi mengelakkan penularan wabak berbahaya tersebut dengan hashtag, "KitaJagaKita".

Melalui Kementerian Kesihatan Malaysia atau KKM, RM1.2juta diperuntukkan, untuk membeli peralatan perubatan di Hospital Melaka, yang dikhaskan untuk rawatan

COVID-19.

Selain itu, Klinik Kesihatan Batu Berendam, KK Masjid Tanah, KK Rembia dan KK Jasin turut menyediakan kemudahan saringan COVID-19 secara pandu lalu atau *Drive-Thru*.

Secara keseluruhannya, Melaka mempunyai 3 buah Hospital Kerajaan, dan 32 buah Klinik Kesihatan. Akses perkhidmatan kesihatan ini sentiasa diperluaskan untuk kemudahan dan keselesaan rakyat seperti berikut:

- **PERTAMA:** Untuk jangka panjang, Kerajaan Persekutuan akan membina sebuah Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, bernilai RM500 juta, dengan kapasiti 478 buah katil di atas tapak Institut Latihan Kejururawatan KKM sedia ada;

- **KEDUA:** Menaiktaraf Bekalan Elektrik, Projek Retrofit Sistem Penyamanan Udara Berpusat dan Wad Pediatric di Hospital Melaka, dengan peruntukan RM67 juta;

- **KETIGA:** Klinik Kesihatan Simpang Bekoh, Jasin dilengkapi kuarters bakal dibina, dengan kos RM27 juta;

- **KEEMPAT:** Menaiktaraf Klinik Kesihatan Alor Gajah, dengan kos RM1.2 juta. Manakala, RM1.4 juta lagi akan diperuntukkan bagi kerja naiktaraf pada tahun 2021;

- **KELIMA:** Selain itu, kita juga akan Membina Hospital Salam melalui inisiatif swasta di atas tapak lama Hotel Stadium Hang Jebat.

Bagi pematuhan PKPB tertinggi, Melaka pernah menjadi antara 3 negeri terbaik di seluruh Malaysia.

Bahkan, netizen Puan Lee Yee Lan turut memuji perkhidmatan Hospital Besar Melaka, hingga mendapat respon positif daripada Tan Sri Ketua Pengarah KKM. Tahniah *frontliners* dan rakyat Melaka. Anda memang terbaik!

Kemudahan untuk Belia

Antara projek yang sedang dilaksanakan, menaiktaraf Kompleks Belia dan Sukan atau KOMBES, Ayer Keroh dan membina baru gelanggang sepak takraw di Kampung Orang Asli Bukit Sebang, Alor Gajah.

Selari itu, Projek Menaiktaraf Kompleks Rakan Muda Alor Gajah bernilai RM4 juta, dijangka bermula Disember 2020.

Selain itu, bermula awal 2021, kita akan membina Kompleks Sukan Jasin, dengan kos RM10 juta.

Di samping itu, permohonan baharu di bawah RMKe-12, bagi membina Mini Stadium Masjid Tanah, dengan kos keseluruhan bernilai RM30 juta. Projek ini dijangka bermula dari 2021 hingga 2023.

Mengambil kira *trend* terkini dalam menyantuni anak-anak muda, sukacitanya saya umumkan, peruntukan tahunan berjumlah RM200,000 bagi menganjurkan program berkaitan *e-Sports*.

Bekalan Air

i) Bekalan Air Mentah : Kerajaan Melaka sentiasa komited dalam memastikan sumber air mentah mencukupi untuk keperluan asas pengguna. Beberapa pelan kontigensi jangka pendek sedang dan telah dilaksanakan:

- **PERTAMA:** Operasi Pemberian Awan menggunakan kaedah *hydroscopic flare*, di seluruh kawasan Lembangan Sungai Melaka, Lembangan Sungai Kesang dan Kawasan tadahan, bagi Empangan Durian Tunggal, Empangan Jus serta Empangan Asahan.

- **KEDUA:** Notis dan sekatan terhadap pengepaman air ke skim pengairan sawah padi di semua rumah pam individu, agar petani hanya mengambil air, bagi tujuan pengairan sawah padi sahaja;

- **KETIGA:** Larangan terhadap pelepasan air dan *effluent* di semua rumah kolam-kolam

ternakan ikan dan lembu, yang beroperasi di sepanjang Lembangan Sungai Melaka;

- **KEEMPAT:** Mewartakan Kolam Kesang 1, Kolam Tasek Ayer Keroh dan Kolam Tebat bersebelahan Tasik Biru Chin chin sebagai Kolam Alternatif; dan

- **KELIMA:** NADMA meluluskan RM2.25 juta kepada Kerajaan Melaka, bagi penyediaan *Portable Water Treatment Plant* atau PWTP. NADMA juga telah meluluskan bagi perbelanjaan kecemasan, menggantikan struktur pam di Rumah Pam Grisek, Johor, berjumlah RM900,000.

Selain itu, beberapa pelan tindakan jangka sederhana dan jangka panjang dirancang, dan ada antaranya telah dilaksanakan, seperti berikut:

- **PERTAMA:** Projek mendalamkan *Bunded Storage*, bagi membantu memanjangkan tempoh simpanan, sebelum air ini dipam ke Empangan Durian Tunggal.

Selain itu, RM1.5 jutadiluluskan bagi penyelegaraan ketiga-tiga empangan iaitu Empangan Durian Tunggal, Empangan Jus dan Empangan Asahan;

- **KEDUA:** Projek Pengalihan Sungai Semujok di Lanchang, Jasin bagi menyelesaikan isu pencemaran air. Di samping itu, kita mahu menghentikan pergantungan sumber air dari Muar, untuk Loji Rawatan Air Chin chin dan Loji Rawatan Air Merlimau.

- **KETIGA:** Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih daerah Alor Gajah, dengan kapasiti takungan 13,000 juta liter air mentah. Projek ini dijangka siap pada 2024, dengan kos RM200 juta;

- **KEEMPAT:** Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka – Tasik Biru, dengan empangan berkapasiti takungan 25,000 juta liter air mentah, bagi menampung keperluan permintaan air sehingga tahun 2050. Peruntukan diluluskan sebanyak RM350 juta.

- **KELIMA:** Projek Penyaluran Air Mentah dari TAPS Tasik Biru dan Sungai Kesang ke Empangan Jus dan Empangan Durian Tunggal, bagi memastikan paras empangan sentiasa berada pada tahap optimum. Projek ini memerlukan dana tambahan sebanyak RM150 juta;

- **KEENAM:** Kajian kemungkinan Pembinaan Empangan Persisir Pantai sedang dilaksanakan, bagi menentukan lokasi yang sesuai untuk pembinaan Takungan Pesisir Pantai.

- **KETUJUH:** Kajian Inter Basin Transfer sedang dijalankan bagi menganalisa dan menilai ketersediaan sumber air di sungai-sungai, berpotensi disalurkan ke kawasan empatangan.

- **KELAPAN:** Projek Abstrak Air Mentah dari Kolam Tebatan Banjir di Durian Tunggal dan Krubong ke Empangan Durian Tunggal, dicadang untuk diubah menjadi dual fungsi. Ia boleh digunakan sebagai takungan bagi mengelakkan kejadian banjir dan juga sebagai kolam takungan bagi keperluan sumber air. Air dari kolam ini, akan dipam ke Empangan Durian Tunggal dengan kos RM500 juta.

- **KESEMBILAN:** Kerajaan Melaka juga merancang untuk melaksanakan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Melaka. Kajian kebolehlaksanaan penyaluran air mentah, akan dilaksanakan, sepanjang 150 kilometer dari Pahang ke Melaka. Setelah disiapkan, kita dijangka menerima sumber air baru sebanyak 400 juta liter sehari.

Bagi memastikan kelestarian air agar sentiasa terpelihara dan mencukupi untuk keperluan rakyat, Kerajaan Melaka bersetuju untuk mengaktifkan semula Majlis Sumber Air Negeri, bakal dijenamakan semula sebagai

Majlis Air Negeri Melaka.

Bekalan Air Terawat

Bagi memenuhi permintaan air terawat penduduk Melaka, Syarikat Air Melaka Berhad merancang pembinaan tambahan loji-loji air, selain membaik pulih paip-paip agihan di seluruh negeri. Kerajaan Melaka akan melaksanakan beberapa cadangan Jangka Pendek, seperti:

- **PERTAMA:** Membina *Compact Plant* di Chin Chin, Jasin, dengan kos RM40 juta, sebagai sebuah loji tambahan berkapasiti 30 juta liter sehari. Projek ini dijangka siap penghujung 2021.

- **KEDUA:** Memasang paip bersaiz 1000 mm, sepanjang 18 km dianggarkan RM45 juta, dan pengepaman air dari Empangan Jus ke Loji Rawatan Air Gadek, Alor Gajah. Projek ini dijangka siap pada 2022.

- **KETIGA:** Mengganti dan menaiktaraf paip-paip air di seluruh Melaka dengan peruntukan RM45 juta.

Manakala, untuk jangka panjang, kita akan melaksanakan beberapa cadangan berikut:

- **PERTAMA:** Projek pembesaran Loji Air Merlimau. Pakej 1 dijangka siap hujung bulan ini, melibatkan kerja pembinaan Kolam Air Bukit Perah 2, berkapasiti 4.54 juta liter di kawasan Loji Merlimau dan pemasangan paip ke bandar Melaka dengan kos RM63.5 juta.

- **KEDUA:** Pakej 2 melibatkan kerja-kerja pembesaran Loji Merlimau, pembinaan 2 buah tangki air dan pemasangan paip air mentah di Lanchang, dengan kos RM52.5 juta, dijangka siap Julai 2022.

- **KEDUA:** Selain itu, SAMB dan Pengurusan Aset Air Berhad juga sedang melaksanakan projek Loji Air Jerneh Fasa 1 berkapasiti 45 juta liter sehari dan dijangka siap menjelang 2023, selaras dengan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai atau TAPS Jerneh. Manakala, Pakej 2 melibatkan kerja-kerja pembesaran Loji Merlimau, pembinaan 2 buah tangki air dan pemasangan paip air mentah di Lanchang, dengan kos RM52.5 juta, dijangka siap Julai 2022.

JAMINAN BEKALAN MAKANAN DAN KESELAMATAN MAKANAN

Sektor Pertanian

Projek Kebuniti PENJANA

Kerajaan Melaka melihat tanaman melalui Kebun Kejiran atau kebuniti, mensasarkan individu mahupun komuniti, perlu diteruskan, sama ada di pinggir bandar mahupun di bandar, agar rakyat tidak perlu lagi terlalu bergantung kepada tanaman import. Melalui Kebuniti, maksimum RM50,000 diperuntukkan kepada komuniti, manakala RM500 kepada individu. Bantuan teknikal juga disediakan seperti peralatan, benih dan baja.

Potensi Penanaman Kelapa Pandan

Di samping itu, kita melihat potensi tanaman kelapa pandan di Melaka. Selain terkenal jolokan '*heaven for food*', dengan adanya kelapa pandan ini, boleh dijadikan sebagai satu tarikan pelancong, bagi hidangan minuman segar, mahupun diproses sebagai hasil industri asas tani.

Potensi Penanaman Kelapa Pandan

Di samping itu, penilaian *outcome* sesuatu program amat penting bagi memastikan perlaksanaannya, mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagi permulaan, penilaian *outcome* ini dilaksanakan ke atas projek di dalam bidang pertanian.

Sambungan di minggu hadapan


Fistula Anus : Dilema pesakit dan doktor yang merawat



DR. SHANKAR GUNARASA



MASALAH di dubur adalah satu-satu nya masalah yang amat menyakitkan dan membebankan pesakit. Sebagai Pakar Bedah Kolorektal, saya banyak mendengar keluhan dari pesakit mengenai berbagai masalah di dubur seperti buasir, sembelit dan fisur anus. Tetapi masalah fistula anus atau lebih dikenali masyarakat umum sebagai "lubang tikus" sememangnya sukar dirawat. Bukan sahaja membebangkan pesakit tetapi juga kepada pakar bedah yang merawat masalah ini. Mengapakah saya mengatakan begitu? Ini kerana setelah seseorang pesakit itu setelah di diagnose dengan masalah ini, sering kali terpaksa menjalani pembedahan dan adakalanya perlu menjalani pembedahan lebih daripada sekali. Inilah yang membebangkan pesakit dan sesetengah pesakit



IMEJ Endoanal Ultrasound abscess di dubur.



Mesin Endoanal Ultrasound di Klinik Dr Shankar.

akan mengalami masalah tekanan emosi berdepan dengan hakikat ini.

Sebelum itu, apakah anda perlu tahu tentang fistula anus? Fistula ini berpunca daripada kelenjar di dubur iaitu kelenjar cryptoglandular. Bila kelenjar ini bermasalah atau berkuman, ianya menyebakan sambungan yang tidak normal antara lapisan di bahagian dalam saluran dubur anda (bahagian belakang) dan kulit berhampiran dubur anda. Kebanyakan fistula anus adalah disebabkan oleh abses (koleksi nanah) yang telah berkembang di dalam kelenjar cryptoglandular. Fistula anus berlaku apabila trek yang dibuat oleh nanah dalam perjalanan ke permukaan kulit anda, tetapi terbuka. Pembedahan fistula anus biasanya dilakukan dan adalah selamat secara umum. Bagi sebilangan pesakit, seperti yang saya katakan dari awal, perlu menjalani pembedahan berulang.

Apakah simptom – simptomnya? Ini termasuk

- Sakit di dubur.
- Kesan nanah di seluar dalam.
- Bengkak di sekitar anus.
- Bau nanah busuk semasa pembuangan najis.
- Terasa gatal di lubang dubur.

Ada juga beberapa kondisi yang boleh menyebabkan masalah fistula di anus, antaranya:

- Penyakit Crohns yang boleh menyebabkan fistula Crohn.
- Penyakit tuberculosis atau TB
- Penyakit seksual seperti lymphogranuloma venerum (LGV)
- Barah di pangkal rektum.
- Komplikasi pembedahan.

Bagaimanakah anda boleh menghindar masalah fistula anus ini? Faktor utama ialah menjaga kebersihan anus. Sekiranya penjagaan yang tidak baik, ianya akan menyebabkan kekotoran, luka dan akhirnya bernanah. Satu lagi faktor ialah mengelakan masalah sembelit yang boleh menyebabkan luka di dubur dan sekaligus fistula anus.

Bila seseorang itu datang dengan simptom di atas, doktor akan melakukan beberapa jenis ujian untuk megesahkan fistula anus. Pada awalnya bahagian luar dubur akan di periksa untuk melihat lubang nanah atau external opening, kesan inflamasi kulit dubur dan dalaman dubur akan diperiksa dengan jari untuk mengesan terowong atau "lubang tikus".

Ujian proktoskopi dilakukan untuk melihat dalaman usus. Kolonoskopi atau sigmoidoskopi di lakukan untuk melihat sekiranya pesakit menghadapi masalah Crohns rektum atau barah di pangkal rektum. Untuk pesakit saya di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka, saya akan melakukan ultrasound endoanal untuk melihat lubang nanah, terowong fistula dan juga lubang tikus di anus.


Inilah yang sepatutnya di lakukan oleh seorang pakar bedah yang merawat fistula anus di mana lubang nanah, terowong fistula dan lubang tikus perlu di kenal pasti dengan tepat supaya pembedahan dapat di lakukan dengan jayanya. Untuk pesakit yang mempunyai lubang nanah yang banyak di anus, MRI Pelvis akan di lakukan untuk mendapat gambaran yang lebih terperinci.

● Apakah anda perlu tahu tentang fistula anus?

Fistula ini berpunca daripada kelenjar di dubur iaitu kelenjar cryptoglandular. Bila kelenjar ini bermasalah atau berkuman, ianya menyebakan sambungan yang tidak normal antara lapisan di bahagian dalam saluran dubur anda (bahagian belakang) dan kulit berhampiran dubur anda.



IMEJ prosedur Laser fistula dilakukan oleh Dr Shankar.



IMEJ mencari terowong fistula Di ruang intersphinteric dubur.

Pembedahan di lakukan bertujuan mengeluarkan nanah dan juga menghilangkan fistula. Oleh itu, beberapa jenis pembedahan yang ada iaitu

1) Fistulotomy

- Dimana terowong fistula di potong, di bersihkan dan di biarkan terbuka untuk pemyembuhan dalaman.
- Lebih di jalankan untuk fistula yang berterowongan pendek dan dekat di anus.

2) Pemasangan seton

- Ini dilakukan di mana terowong penuh dengan nanah, dan seton di letakkan untuk sementara waktu sehingga terowong tersebut matang dan bersih dari nanah.
- Seton tersebut mungkin di simpan antara sebulan se hingga enam bulan.
- Bagi fistula Crohns, rawatan dengan seton adalah terbaik dan pesakit ini akan menyimpan seton sehingga berbulan-bulan lamanya.

3) Prosedur LIFT

- Prosedur terkini yang telah dimasyurkan oleh pakar bedah kolorektal yang terkenal dari King Chulalongkorn Memorial Hospital Bangkok iaitu Prof Arun Rojanasakul.

- Tiga komponen untuk prosedur ini di mana lubang nanah dikorek, terowong di belah melalui ruang intersphinteric dan lubang tikus di anus di jahit.
- Doktor perlu mempunyai kepakaran untuk melakukan prosedur ini.

4) Procedure Laser fistula atau FiLAC

- Kaedah terbaru di mana tiub yang berhujungkan diob laser di pancarkan 360 derjah sehingga terowong fistula di bakar.
- Kaedah ini tidak menganggu otot-otot sphinter di bubarkan, sekali gus mengelakkan kecederaan.
- Kos yang tinggi untuk rawatan.

Berdasarkan jenis fistula anus, pakar bedah akan mengesyorkan rawatan yang bersesuaian. Rawatan untuk fistula anus sememangnya rumit dan pesakit perlu faham di mana pembedahan yang berulang perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini. Bukan semua fistula anus jenis perlu di rawat seperti Crohns fistula tetapi hampir 80% fistula perlu di bedah. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang fistula anus, anda boleh berhubung dengan **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**



Faiz Hasan

Hang Tuah masih bermain di fikiran...

LAGENDA Hang Tuah bukan sesuatu yang asing buat masyarakat negara ini, bahkan seluruh Nusantara turut mengakui kehebatan lagenda tersebut.

Apatah lagi lagenda serta legasi Hang Tuah ini tersemat di bumi bertuh Melaka yang umum diketahui sebagai tempat masyhurnya kehebatan sang Laksamana serta keagungan Kesultanan Melayu Melaka suatu ketika dahulu.

Apabila kita merungkai dari segi sejarah, agak sukar untuk kita membuktikannya, kerana cukup dari segi makamnya, ada yang mendakwa ia

berlokasi di Tanjung Kling, ada juga mengatakan di Sumatera (Indonesia) dan ada juga mendakwa makam Hang Tuah berada di Muar, Johor.

Terlalu banyak versi yang berbentuk kisah masyarakat, yang sebenarnya sukar untuk dijadikan bukti sahih dan seterusnya memartabatkan kembali sejarah dan seni budaya bangsa Melayu Nusantara itu sendiri.

HANG TUAH KE OKINAWA

Sekitar tahun 2015 sebelum ini, negara digemparkan dengan pengkajian dijalankan oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang

menemukan dua dokumen dan satu artifak di Jepun, yang mengesahkan serta membuktikan kewujudan Hang Tuah.

Dokumen terbabit ialah rekod rasmi, 'Rekidai Hoan', kerajaan Ryukyu, yang kini dikenali sebagai Okinawa dan catatan pengembalaan Alfonso de Albuquerque pada 1774, yang ditemui di Universiti Ryukyu.

Menariknya, keris berluk sembilan tanpa hulu dan sarung turut ditemui dan mengikut kajian mereka, keris itu berkemungkinan dihadiahkan Kesultanan Melayu Melaka kepada kerajaan lain.



Rajah 39 Keris berluk sembilan tanpa hulu dan sarung yang dijumpai di pekarangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu berhampiran dengan Istana Shuri abad ke-15, Pulau Ryukyu.



BENTUK keris luk sembilan hadiah Kesultanan Melayu Melaka kepada Raja Ryukyu yang ditemui di pekarangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu dan dikenal pasti penyelidik UPM di Pusat Arkeologi Okinawa. Foto kredit Berita Harian

Malah, Rekidai Hoan mengandungi 19 surat kerajaan Ryukyu kepada Melaka serta 11 surat daripada kerajaan Melaka, turut tertera nama Hang Tuah.

KEHEBATAN HANG TUAH DIPERAKUI

Ramai yang mempersoalkan, sejauh mana kehebatan Laksamana Hang Tuah?


Dalam catatan pengembalaan Alfonso de Albuquerque pernah menyebut, Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka yang mempunyai ciri pahlawan Melayu seperti handal, taat, berpengetahuan, berani dan pantang berundur.

Albuquerque turut menyebut, Hang Tuah berada di Temasik (Singapura) ketika beliau mengetuai armada Portugis menawan Melaka pada tahun 1511. Ketika itu Hang Tuah telah pun berusia 80 tahun.

MASIH ADA MASA UNTUK MEMBUKTIKKANYA

Sebagai rakyat Malaysia dan Anak Melaka, kita sewajarnya tidak putus asa untuk terus kaji dan mengkaji tanpa kenal penat lelah, jika kita mahu memastikan warisan bangsa dan negara dapat terus dipulihara demi masa akan datang.

Nilai sesuatu sejarah itu, wajar dihargai sepenuhnya tanpa memberikan sebarang alasan kerana tanpa masa lalu, tiada masa sekarang. Walaupun ramai beranggapan, 'dulu tu dululah, sekarang masa sekaranglah', tetapi kita kena ingat, sampai satu masa nanti, ungkapan Hang Tuah 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia' mungkin bukan sekadar kata-kata biasa, ia mungkin adalah satu kod yang jika tidak terungkai, barangkali akan berguna pada masa akan datang. Hang Tuah masih di fikiran kita...



LAGENDA Laksamana Hang Tuah

LOKAL

Istiadat Penganugerahan Bintang dan Pingat Kebesaran MGBM kali ke-41 Ditunda berikutan PKP 2.0

AYER KEROH – Istiadat Penganugerahan Bintang dan Pingat Kebesaran Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) kali ke-41 yang sepatutnya berlangsung pada 16 Januari lepas telah ditunda pada satu tarikh

yang akan diumumkan kelak. Menerusi kenyataan dieluarkan MGBM, ia ditunda berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang bermula 13 Januari lepas. "Sekretariat MGBM ingin



mengambil perhatian pihak berkaitan berhubung penundaan tarikh istiadat tersebut ke suatu ketetapan yang akan dimaklumkan kelak.

"Sebarang urusan berkaitan pelaksanaan istiadat boleh terus menghubungi pihak sekretariat di talian 014-6144044," katanya.

“ Ia ditunda berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang bermula 13 Januari lepas. ”



Pusingan Kedua Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023

FAM optimis skuad kebangsaan diberi pelepasan

PERSATUAN Bola Sepak Malaysia (FAM) akan berusaha memastikan pasukan bola sepak negara tetap beraksi pada pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 yang dijadualkan bersambung kembali pada Mac depan.

Presidennya Datuk Hamidin Mohd Amin berkata FAM akan berusaha mendapatkan pelepasan buat skuad bimbingan Ketua Jurulatih Tan Cheng Hoe ke luar negara untuk meneruskan misi layak ke Piala Asia 2023 sekali gus mengelak berdepan risiko dikenakan penalti.

Ahli Jawatankuasa Eksekutif Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) itu menjelaskan ketika ini wujud cadangan supaya pusingan kelayakan itu ditangguhkan dan diadakan secara karnival pada Jun depan, namun beliau berkata perkara itu akan dimuktamadkan AFC dalam masa terdekat.

"Tetapi Jun itu tarikh akhir di mana FIFA (Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa) mengarahkan perlu dijalankan pertandingan. Kalau mana-mana pasukan tidak dapat keluar negara menyertai pusingan kelayakan itu akan terbatas mata (yang) dikumpul.

Saya akan pastikan pasukan negara

mesti pergi untuk bermain dalam pusingan kelayakan itu. Kerajaan termasuk MKN (Majlis Keselamatan Negara) dan KBS (Kementerian Belia dan Sukan) sudah dimaklumkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif FAM Ke-12 di Wisma FAM, Kelana Jaya, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Hamidin berharap skuad kebangsaan bersedia jika saingan kelayakan itu dilangsungkan mengikut jadual asal yang menyaksikan Malaysia akan menentang Emiriah Arab Bersatu (UAE) di Dubai pada 25 Mac sebelum melayan kunjungan Vietnam pada 30 Mac dalam aksi Kumpulan G.

Sementara itu, beliau berkata persetujuan kelima-lima negara dalam kumpulan itu diperlukan untuk pusingan kelayakan itu dijalankan secara karnival pada Jun jika AFC memuktamadkan mengenai mekanisme pertandingan itu.

"Kalau lihat sekarang hanya Malaysia, Indonesia dan Thailand berdepan kesukaran berkaitan pergerakan keluar dan masuk negara manakala Vietnam dan UAE nampak okey. Jadi ia memerlukan persetujuan antara

pasukan dalam sesebuah kumpulan itu," katanya.

Layak ke Piala Asia 2023 adalah misi pasukan kebangsaan dalam Peta Hala Tuju FAM (F:30) dan Malaysia kini berada di landasan terbaik untuk layak secara merit selepas kali terakhir beraksi pada edisi Piala Asia pada tahun 2007 yang menyaksikan Malaysia, Indonesia, Vietnam dan Thailand menjadi tuan rumah bersama kejohanan itu.

Selepas lima perlawanan kumpulan, Malaysia hanya dipisahkan dua mata di belakang pendahulu Kumpulan G Vietnam yang mengumpul 11 mata sementara Thailand pada kedudukan ketiga (lapan mata), UAE keempat (enam mata) dan Indonesia di kedudukan tercorot tanpa sebarang mata.

"Kita dah maklum dan hantar surat ke pihak MKN melalui KBS bulan lepas tentang perlawanan Mac nanti di mana kita perlu ke UAE dan balik semula serta memohon permit khas untuk kuarantin terus di hotel bersama pasukan pelawat dan pegawai FIFA terlibat. Ini telah dipersetujui secara lisan," tambah beliau.

Terdahulu, Hamidin mengesahkan kem latihan pusat skuad kebangsaan bermula dari 15 hingga 26 Januari ini dibatalkan susulan



HAMIDIN... Skuad kebangsaan diharap bersedia jika saingan kelayakan itu dilangsungkan mengikut jadual asal yang menyaksikan Malaysia akan menentang UAE di Dubai pada 25 Mac sebelum melayan kunjungan Vietnam pada 30 Mac dalam aksi Kumpulan G. Foto Sumber Facebook Football Association of Malaysia

pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. - BERNAMA

Kesatuan Ragbi Malaysia rayu sumbangan kewangan

KESATUAN Ragbi Malaysia (KRM) merayu sumbangan kewangan daripada mana-mana pihak termasuk syarikat bagi membolehkan pasukan ragbi negara 15 sepasukan menyertai perlawanan di peringkat antarabangsa.

Presiden KRM Datuk Shahrul Zaman Yahya berkata pihaknya memerlukan sekurang-kurangnya RM2 juta bagi membolehkan pasukan tersebut menyertai Kejohanan Ragbi Asia yang mungkin berlangsung pada Mei atau Jun depan.

Katanya pada kejohanan itu yang sepatutnya berlangsung tahun lalu, namun ditunda ke tahun ini disebabkan penularan wabak COVID-19, pasukan negara dijadual menentang Hong Kong dan Korea.

"RM2 juta itu bukan untuk pergi sahaja, tapi untuk melayan kunjungan Hong Kong dan Korea selain mempersiapkan pasukan selama enam bulan. Tapi ini pun dah lambat kerana sepatutnya kem latihan bermula Januari, kini ditangguhkan ke Februari sebab Perintah

Kawalan Pergerakan.

"Cabaran terbesar sekarang ialah pembiayaan. Tahun lepas dua penaja utama kami telah batalkan hasrat kerana situasi pandemik COVID-19. Pada masa ini, pasukan berdepan belanjawan sifar tapi kami masih berusaha lagi mencari (tajaan)," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Menurut Shahrul Zaman, ketika ini skuad ragbi negara berada di ranking ke-49 dunia dan ke-6 di Asia, jauh di belakang Hong Kong serta Korea, maka platform terbaik termasuk mengadakan perlawanan ujian bagi membantu merapatkan jurang tersebut.

"Kepada badan korporat di luar sana, sumbangan anda akan mendapat pengecualian cukai."

"Tolong realisasikan impian mereka, kami mahu bersaing dalam Piala Dunia Ragbi 2031. Ada yang mengatakan mustahil. Ia satu proses, tetapi sekurang-kurangnya kita perlu berusaha sebaik mungkin," katanya. - BERNAMA



ANTARA bekas pemain yang terlibat dalam perlawanan amal untuk membantu meringankan beban Azizan yang menderita akibat darah beku di paha kirinya.

Kumpul RM5,023 bantu bekas pemain Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SEBANYAK RM5,023 berjaya dikumpul untuk membantu bekas pemain Melaka, Azizan Baba yang menderita komplikasi kecederaan kaki kirinya.

Jumlah itu berjaya dikumpul menerusi satu perlawanan amal yang dianjurkan pasukan Melaka Elite bertempat di Stadium Hang Tuah, pada 11 Januari lepas.

Perlawanan amal itu turut disertai bekas pemain seperti Abdul Halim Jantan, Samsurin Abdul Rahman, Md Noor Derus, Mazelan Wahid, Sopian Wahid, Leong Hong Seng, Chin Hong Aik, Rezal Zamry Yahya, Azni Ariffin, Eddy Ong selain turut dimeriahkan dengan kehadiran bekas pemain pasukan pelapis Melaka.

Menurut Kapten Melaka Elite, Ayob Alias, perlawanan itu diadakan bertujuan untuk membantu meringankan beban keluarga Azizan Baba untuk membayar kos pembedahan paha kirinya.

"Selain membantu meringankan beban keuarga Azizan Baba, perlawanan ini juga dianggap sebagai pentas mengeratkan hubungan

gan silaturahim antara bekas pemain yang sejak lama terpisah.

"Malah ia mengimbau kembali era kegemilangan masing-masing semasa masih aktif dalam persada bola sepak negara," katanya.

Hadir sama menyaksikan perlawanan itu ialah Naib Presiden Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) Datuk Khairi Anuar Ahmad dan Setiausaha Agung MUSA Ahmad Roslee Hamzah.

Terdahulu, media melaporkan Azizan, 39, terlantar 11 hari di Hospital Melaka akibat darah beku di paha kirinya sejak kira-kira empat bulan lalu dan terpaksa menjalani pembedahan.

Menurutnya, darah beku berkenaan sudah dikeluarkan namun sakit yang dialami tidak berkurang sehingga amat menyakitkan.

Difahamkan proses Imbasan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) mengesahkan dia disahkan mengalami gejala hematoma yang jika tidak dirawat dan menjalani pembedahan boleh mengundang masalah lebih serius.

Sehubungan itu, dia memerlukan RM20,000 bagi menampung kos rawatan berkenaan.



SKUAD ragbi negara perlu adakan perlawanan ujian bagi merapatkan jurang ranking dunia. Foto Sumber Facebook Malaysia Rugby Union

>> Kumpul RM5,023 bantu bekas pemain Melaka



Lihat muka 23

MELAKA HARIINI / 18 - 24 JANUARI 2021

Sukan

>> FAM optimis skuad kebangsaan diberi pelepasan

Lihat muka 23



MUFC ‘PUASA’ 14 HARI

Mohamad Fazrul Abdul Majid
Foto Kredit Facebook MUFC

RENTAK persiapan Melaka United FC (MUFC) bagi menghadapi saingan Liga Malaysia 2021 sedikit terjejas selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dikuatkuasakan bermula 13 hingga 26 Januari ini.

Pengurus pasukan Muhammad Akram Abdullah berkata, susulan penguatkuasaan itu semua aktiviti latihan dan persiapan pasukan terpaksa dihentikan serta-merta dan terpaksa menunggu sehingga PKP 2.0 tamat sebelum kembali memulakan latihan.

Jelasnya, sepanjang tempoh 14 hari itu, pemain-pemain melakukan latihan secara sendirian seperti bersenam dan aktifiti kecergasan yang lain.

“Sebelum ini kita telah bersedia dengan latihan intensif yang menumpukan kepada aspek kecergasan dan kekuatan pemain. Sasaran kita ialah untuk memulakan latihan secara berpasukan bagi aspek teknikal dan taktikal.

“Namun, apabila PKP 2.0 dilaksanakan, kita terpaksa melupakan sementara persiapan dan latihan yang sudah dirancang.

“Justeru dalam tempoh 14 hari, pemain akan menjalani sesi latihan sendiri, namun staf kejurulatihan akan terus mem-

antau perkembangan mereka,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Akram berkata, pihaknya juga sudah merangka enam perlawanan persahabatan yang dijangka diadakan pada Februari depan.

Perlawanan persahabatan itu termasuklah membabitkan aksi bersama juara Liga Super tujuh kali berturut-turut, Johor Darul Ta’zim (JDT), JDT II, Terengganu FC dan Sri Pahang FC.

“Namun semua itu bergantung kepada PKP 2.0. Sekiranya PKP 2.0 ditamatkan awal besar kemungkinan perlawanan itu akan diteruskan seperti yang dirancang,” katanya lagi.



KESATUAN Ragbi Malaysia rayu sumbangan kewangan

KESATUAN Ragbi Malaysia (KRM) merayu sumbangan kewangan daripada mana-mana pihak termasuk syarikat bagi membolehkan pasukan ragbi negara 15 sepasukan menyertai perlawanan di peringkat antarabangsa.

Presiden KRM Datuk Shahrul Zaman Yahya berkata pihaknya memerlukan sekurang-kurangnya RM2 juta bagi membolehkan pasukan tersebut menyertai Kejohanan Ragbi Asia yang mungkin berlangsung pada Mei atau Jun depan.

Lihat muka 23